BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan

BNM

Vol. 37 No. 2

Suku Kedua 2022 S2

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Halaman sengaja dikosongkan.

Kandungan

MS 5 Sorotan Penting

MS 7 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

MS 11 Perkembangan Ekonomi Malaysia

MS 29 *Rencana: Daya Tahan Perdagangan Malaysia dalam Era Selepas Pandemik*

MS 43 Perkembangan Monetari dan Kewangan

MS 49 *Rencana: Kadar Asas Standard*

MS 55 Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

MS 59 Tinjauan Makroekonomi

MS 61 Tambahan

Halaman sengaja dikosongkan.

Sorotan Penting: S2 2022

KDNK berkembang sebanyak 8.9% pada S2 2022 berikutan permintaan dalam negeri yang bertambah baik

Pertumbuhan disokong oleh pasaran pekerja yang bertambah baik, pembukaan semula sempadan dan bantuan dasar

Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Komponen KDNK Terpilih
Perubahan tahunan (%)

Permintaan

+18.3% **Penggunaan swasta**

+6.3% **Pelaburan swasta**

+10.4% **Eksport barangan dan perkhidmatan**

Penawaran

+12.0% **Perkhidmatan**

+9.2% **Perkilangan**

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras meningkat pada S2 2022

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan)



Faktor yang mempengaruhi inflasi pada S2 2022

Inflasi teras1
Inflasi teras meningkat *(S2 22: 2.5%; S1 22: 1.7%)* berikutan persekitaran kos yang tinggi dan permintaan yang bertambah baik, didorong sebahagian besarnya oleh makanan di luar rumah dan barangan makanan yang lain

Faktor-faktor global
Harga komoditi global yang tinggi berikutan konflik ketenteraan yang berlarutan di Ukraine, keadaan cuaca buruk di negara pengeksport makanan utama dan dolar AS yang lebih kukuh

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Halaman sengaja dikosongkan.

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Sorotan

- Pertumbuhan global menjadi sederhana pada suku kedua tahun 2022.
- Eksport serantau juga menjadi sederhana tetapi kekal agak kukuh.
- Volatiliti pasaran kewangan global meningkat.

Pertumbuhan global sederhana diterajui oleh ekonomi utama

Pertumbuhan global terus menjadi sederhana pada suku kedua tahun 2022 berikutan kelembapan dalam pertumbuhan di ekonomi utama. Walau bagaimanapun, bagi beberapa ekonomi serantau, pertumbuhan tahun ke tahun bagi suku kedua tahun 2022 telah disokong oleh kesan asas daripada sekatan pergerakan COVID-19 dalam tempoh yang sama pada tahun 2021. Konflik ketenteraan yang berterusan di Ukraine menyumbang kepada kenaikan harga komoditi yang menyebabkan inflasi global yang lebih tinggi. Hal ini telah menjejaskan pendapatan dan penggunaan isi rumah. Tambahan pula, sekatan pergerakan telah dilaksanakan semula di China yang mengakibatkan gangguan rantaian bekalan global meningkat semula secara sementara dan kegiatan ekonomi China menjadi sederhana. Di negara lain, aktiviti perkilangan dan perkhidmatan

R1 **Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih**

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

bertahan dengan lebih baik tetapi terus menjadi sederhana kerana inflasi yang tinggi dan tekanan kos telah menjejaskan kegiatan ekonomi. Permintaan yang terus beralih daripada barangan kepada perkhidmatan turut mengurangkan aktiviti perkilangan, manakala aktiviti perkhidmatan menjadi sederhana apabila kesan permintaan terpendam (*pent-up demand*) yang disebabkan oleh pembukaan semula ekonomi mulai berkurang.

Pertumbuhan ekonomi AS menjadi sederhana kepada 1.6% (S1 2022: 3.5%) pada suku kedua tahun 2022 apabila aktiviti penggunaan terus perlahan berikutan inflasi yang tinggi yang melembapkan sentimen dan pertumbuhan upah benar. Aktiviti pelaburan swasta juga mencatatkan pertumbuhan yang sederhana pada suku itu. Walau bagaimanapun, pasaran pekerja terus ketat. Kadar pengangguran kekal rendah manakala jumlah jawatan kosong terus berada pada paras yang tinggi. Namun, terdapat tanda-tanda pasaran pekerja yang ketat telah mencapai tahap tertinggi berikutan bekalan tenaga kerja yang beransur pulih.

Di kawasan euro, ekonomi berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu 4.0% (S1 2022: 5.4%). Aktiviti perkhidmatan sebahagiannya menyokong pertumbuhan berikutan pemulihan berterusan yang berpunca daripada pembukaan semula ekonomi. Secara keseluruhan, kegiatan ekonomi terus perlahan pada suku kedua tahun 2022 apabila inflasi yang tinggi menjejaskan sentimen serta permintaan.

Di China, ekonomi berkembang sebanyak 0.4% (S1 2022: 4.8%). Pelaksanaan semula sekatan pergerakan berikutan wabak COVID-19 menyebabkan kegiatan ekonomi menguncup dan kadar pengangguran meningkat pada awal suku itu. Walau bagaimanapun, pembukaan semula ekonomi pada akhir suku kedua dan sokongan dasar daripada kerajaan China menyebabkan pertumbuhan meningkat.

Pertumbuhan eksport serantau menurun daripada paras yang tinggi

Susulan permintaan global yang semakin perlahan, eksport serantau menjadi sederhana pada suku kedua tahun 2022. Namun begitu, pertumbuhan eksport terus kukuh di kebanyakan ekonomi serantau disebabkan oleh tumpuan terhadap produk elektrik dan elektronik (E&E). Hal ini berikutan permintaan global terhadap produk E&E terus berdaya tahan. Pengeksport komoditi seperti Indonesia dan Malaysia juga mendapat manfaat daripada kenaikan harga komoditi. Sebaliknya, sekatan pergerakan di China dan Hong Kong SAR telah menjejaskan pertumbuhan eksport di negara-negara ini.

R2 Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

R3 Indeks Volatiliti (VIX) CBOE



Sumber: Bloomberg

Volatiliti pasaran kewangan global meningkat

Keadaan pasaran kewangan global mengalami peningkatan volatiliti pada suku kedua tahun 2022 (CBOE VIX, S2 2022: 27.3; S1 2022: 25.3). Volatiliti yang meningkat sepanjang suku kedua mencerminkan ketidaktentuan dalam kalangan pelabur tentang kadar dasar monetari AS yang diperketat. Volatiliti adalah tinggi khususnya menjelang mesyuarat Federal Open Market Committee (FOMC) AS, serta sekitar penyiaran data inflasi AS. Tambahan pula, volatiliti harga komoditi berikutan ketegangan geopolitik yang meningkat dan kebimbangan berterusan terhadap kesan dasar COVID-19 di China menjejaskan lagi pasaran kewangan di seluruh dunia.

Harga minyak mentah Brent naik mendadak untuk berpurata sebanyak USD112 setong pada suku kedua (purata S1 2022: USD98 setong). Permintaan minyak dunia terus pulih. Harga minyak juga disokong oleh keadaan bekalan minyak dunia yang ketat berikutan konflik ketenteraan yang berterusan di Ukraine dan pengeluaran minyak yang terus berkurang oleh beberapa ahli OPEC+ dalam memenuhi kuota pengeluaran minyak mereka.

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Sorotan

- Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 8.9% pada suku kedua tahun 2022.
- Inflasi keseluruhan meningkat pada suku kedua.
- Lebihan akaun semasa kekal yang lebih tinggi sebanyak RM4.4 bilion, atau 1.0% daripada KDNK.

KDNK terus berkembang pada suku kedua tahun 2022

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 8.9% pada suku kedua tahun 2022 (S1 2022: 5.0%). Walaupun pertumbuhan meningkat sebahagiannya disebabkan oleh asas yang rendah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh pada bulan Jun 2021, pertumbuhan pada bulan April dan Mei 2022 menunjukkan prestasi yang kukuh. Hal ini disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang terus pulih dan sokongan dasar yang berterusan. Peningkatan ini juga mencerminkan kegiatan ekonomi yang kembali normal apabila negara beralih ke fasa endemik dan sempadan antarabangsa dibuka semula. Eksport terus disokong oleh permintaan yang kukuh untuk produk E&E. Dari segi kegiatan ekonomi, sektor perkhidmatan dan sektor perkilangan terus memacu pertumbuhan. Pada asas suku tahun ke suku tahun terlaras secara bermusim, ekonomi mencatatkan peningkatan sebanyak 3.5% (S1 2022: 3.8%).

R4 Pertumbuhan KDNK Benar

Pertumbuhan tahunan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R5 Pertumbuhan tahunan KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi

Pertumbuhan tahunan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R6 Sumbangan Sektor Ekonomi kepada Pertumbuhan KDNK Benar

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor ekonomi utama terus berkembang

Sektor ekonomi utama terus berkembang pada suku kedua tahun 2022. Sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 12.0% (S1 2022: 6.5%). Subsektor berkaitan pengguna seperti runcit dan aktiviti berkaitan rekreasi terus pulih berikutan peralihan ke fasa endemik, pembukaan semula sempadan antarabangsa, keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dan sokongan tambahan daripada bantuan dasar. Peningkatan yang kukuh turut dicatatkan dalam aktiviti berkaitan perniagaan termasuk pengangkutan dan penyimpanan, sebahagiannya disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam jumlah penumpang penerbangan dan ketibaan pelancong. Seterusnya, pertumbuhan subsektor harta tanah terus bertambah baik berikutan peningkatan semula urus niaga harta tanah. Di samping itu, subsektor maklumat dan komunikasi memberikan sokongan tambahan kepada pertumbuhan berikutan penggunaan perkhidmatan e-dagang yang lebih meluas.

Sektor perkilangan berkembang sebanyak 9.2% (S1 2022: 6.6%), disokong oleh industri berorientasikan eksport dan berorientasikan dalam negeri. Kesan gangguan bekalan global sebahagiannya dikurangkan apabila pengilang dapat melaksanakan langkah-langkah proaktif bagi mengurangkan kesan tersebut, seperti menyediakan penampan inventori melalui tempahan awal dan menggunakan mod pengangkutan alternatif. Kelompok E&E terus mencatatkan pertumbuhan dua angka didorong oleh permintaan global terhadap semikonduktor. Kelompok pengguna berkembang pada kadar yang lebih pantas, disokong oleh aktiviti perbelanjaan dalam negeri yang kukuh. Khususnya, segmen kenderaan motor dan peralatan pengangkutan telah meningkatkan lagi pengeluaran bagi memenuhi tempahan yang tertunggak dan memenuhi permintaan apabila tempahan melonjak sebelum tamatnya pengecualian Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) pada 30 Jun 2022. Walau bagaimanapun, pertumbuhan kelompok berkaitan sumber menjadi sederhana apabila pengeluaran terus kembali normal bagi produk terpilih yang berkaitan dengan pandemik seperti sarung tangan getah.

Sektor pembinaan berkembang sebanyak 2.4% (S1 2022: -6.2%), iaitu pertumbuhan positif yang pertama untuk sektor ini sejak suku kedua tahun 2021. Projek harta tanah komersial dan industri yang besar serta projek berskala kecil terus menyokong aktiviti dalam subsektor bukan kediaman dan pertukangan khas. Sementara itu, perkembangan yang lebih perlahan dalam projek infrastruktur telah menyebabkan pertumbuhan yang lemah dalam subsektor kejuruteraan awam.

Sektor perlombongan mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 0.5% (S1 2022: -1.1%) berikutan penutupan beberapa fasiliti minyak dan gas untuk kerja penyelenggaraan pada suku kedua. Walau bagaimanapun, pengeluaran yang lebih tinggi daripada telaga gas Pegaga di Blok SK320 yang terletak di luar pesisir Sarawak memberikan sedikit sokongan kepada pertumbuhan.

Sektor pertanian menurun sebanyak 2.4% (S1 2022: 0.1%). Pada suku kedua, pengeluaran ternakan dan subsektor pertanian lain telah terjejas akibat peningkatan kos input terutamanya makanan ternakan dan baja. Pertumbuhan juga dipengaruhi oleh pengeluaran minyak sawit yang lemah apabila aktiviti penuaian terjejas akibat kekurangan tenaga kerja yang masih wujud.

R7

Pertumbuhan tahunan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R8

Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri lebih tinggi

Pada suku kedua, permintaan dalam negeri mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 13.0% (S1 2022: 4.4%). Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh perbelanjaan swasta yang kukuh berikutan kegiatan ekonomi yang terus kembali normal serta keadaan pasaran pekerja yang semakin pulih. Dalam sektor luaran, permintaan untuk eksport Malaysia terus kukuh, terutamanya bagi produk E&E.

Penggunaan swasta berkembang pada kadar yang lebih pantas sebanyak 18.3% (S1 2022: 5.5%), disokong oleh peningkatan perbelanjaan ke atas barangan keperluan dan barangan budi bicara terpilih seperti restoran dan hotel, perkhidmatan rekreasi dan hiasan isi rumah. Perbelanjaan pengguna yang kukuh didorong terutamanya oleh pemulihan pasaran pekerja. Sokongan dasar, termasuk pelaksanaan kenaikan gaji minimum,[1] Bantuan Keluarga Malaysia dan langkah yang berkaitan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga memberikan sokongan tambahan kepada perbelanjaan pengguna.

Penggunaan awam meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 2.6% (S1 2022: 6.7%). Hal ini dipengaruhi oleh perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah yang mencerminkan perbelanjaan berkaitan COVID-19 yang lebih kecil.

[1] Gaji minimum dinaikkan kepada RM1,500 dan terpakai untuk syarikat yang mempunyai lima orang pekerja atau lebih. Kenaikan ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2022.

Aktiviti pelaburan bertambah baik

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.8% (S1 2022: 0.2%) apabila perbelanjaan modal sektor swasta dan sektor awam yang bertambah baik. Dari segi jenis aset, pelaburan dalam struktur dan aset-aset lain masing-masing meningkat sebanyak 3.8% (S1 2022: -7.9%) dan 0.2% (S1 2022: -0.9%). Sementara itu, pelaburan jentera dan peralatan (*machinery and equipment*, M&E) meningkat sebanyak 9.6% (S1 2022: 12.0%).

Pelaburan swasta berkembang sebanyak 6.3% (S1 2022: 0.4%), disokong oleh peningkatan perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan struktur bertambah baik berikutan perniagaan di seluruh sektor utama menyambung semula projek pelaburan, khususnya dalam segmen bukan kediaman. Selain itu, perbelanjaan modal bagi perkilangan serta jentera dan peralatan berkaitan ICT terus menyokong pertumbuhan pelaburan. Hal ini sejajar dengan usaha syarikat untuk mengembangkan kapasiti berikutan permintaan yang berterusan serta penggunaan automasi dan pendigitalan yang lebih meluas.

Pelaburan awam mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.2% (S1 2022: -0.9%), didorong terutamanya oleh peningkatan perbelanjaan modal oleh syarikat awam dalam sektor minyak dan gas serta sektor telekomunikasi.

R9 Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi keseluruhan meningkat pada suku kedua

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 2.8% pada suku kedua (S1 2022: 2.2%). Peningkatan ini mencerminkan inflasi teras yang lebih tinggi serta inflasi bahan api dan harga barangan yang tidak menentu yang lebih tinggi. Faktor-faktor utama yang menyumbang kepada keadaan ini ialah tekanan kos yang meningkat berikutan konflik ketenteraan di Ukraine, keadaan cuaca buruk di negara-negara pengeksport makanan utama dan dolar AS yang lebih kukuh.

Inflasi teras meningkat kepada 2.5% (S1 2022: 1.7%) berikutan keadaan permintaan yang bertambah baik dalam persekitaran kos yang tinggi. Peningkatan ini terutamanya didorong oleh makanan di luar rumah (S2 2022: 5.3%; S1 2022: 3.6%) dan barangan makanan lain. Sesetengah barangan budi bicara (contohnya perkhidmatan penginapan) turut mencatatkan inflasi yang lebih tinggi. Sehubungan dengan itu, tekanan harga terus berlarutan sepanjang suku kedua. Bahagian barangan IHP yang mencatatkan peningkatan harga bulanan secara puratanya lebih tinggi iaitu pada 63.2% (S1 2022: 57%; purata 2011-2019: 45%).

R10 **Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen**

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan)



¹ Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

R11 Perubahan Bulan ke Bulan dalam Harga Barangan IHP*

Peratusan barangan IHP (%)



* Berdasarkan inflasi bulan ke bulan bagi 125 barangan IHP pada aras 4 digit

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik

Keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik pada suku kedua tahun 2022. Kadar pengangguran terus menurun kepada 3.9% (S1 2022: 4.1%). Keadaan ini didorong oleh peningkatan guna tenaga yang teguh (+126 ribu orang, S1 2022: +134 ribu orang), di samping pengembangan tenaga kerja yang terus kukuh (+97 ribu orang, S1 2022: +111 ribu orang). Hasilnya, kadar penyertaan tenaga kerja meningkat kepada 69.2% daripada penduduk umur bekerja, mengatasi kadar sebelum pandemik (S1 2022: 69.0%; S4 2019: 69.1%). Sementara itu, jumlah penduduk luar tenaga kerja terus berkurang kepada 7.26 juta orang (S1 2022: 7.29 juta orang) yang menunjukkan kemasukan pekerja yang berterusan ke dalam tenaga kerja berikutan kegiatan ekonomi yang lebih kukuh. Kadar guna tenaga tidak penuh terus menurun kepada 1.3% daripada tenaga kerja (S1 2022: 1.5%).

Data daripada Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) menunjukkan tuntutan pengangguran juga menurun pada suku kedua (7,643 orang; S1 2022: 10,433 orang), manakala kadar penempatan pekerja dalam pekerjaan baharu kekal kukuh (46 orang bagi setiap 100 orang yang diberhentikan; S1 2022: 41 orang). Keadaan ini menandakan kadar pengambilan pekerja yang secara relatif kukuh dalam keadaan kadar pemberhentian kerja yang lebih rendah dalam ekonomi.

Upah sektor swasta terus meningkat pada suku kedua tahun 2022 dengan pertumbuhan sebanyak 7.8% pada asas tahun ke tahun (S1 2022: 4.7%) dan disokong sebahagiannya oleh kenaikan gaji minimum. Upah sektor perkilangan meningkat sebanyak 5.2% (S1 2022: 4.1%), didorong oleh peningkatan secara keseluruhan merentas industri perkilangan, khususnya subsektor E&E, produk galian bukan logam, produk logam asas dan logam yang direka, serta makanan dan minuman serta tembakau. Sementara itu, upah sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan yang mantap (9.3%, S1 2022: 5.0%). Pertumbuhan ini disokong oleh subsektor borong dan runcit, pengangkutan dan penyimpanan serta maklumat dan komunikasi. Pada asas suku tahun ke suku tahun terlaras secara bermusim, momentum pertumbuhan upah sektor swasta mampan pada 2.4% (S1 2022: 2.6%).

R12 Kadar Pertumbuhan Guna Tenaga dan Upah

Perubahan tahun ke tahun (%)



Nota: Kadar pertumbuhan gaji sektor swasta merujuk kadar pertumbuhan upah pekerja dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R13 Tuntutan Penggangguran dan Kadar Penempatan Pekerjaan



Nota: Tuntutan pengangguran merujuk bilangan penganggur yang memohon manfaat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) berikutan kehilangan pekerjaan. Kadar penempatan pekerjaan merujuk bilangan pekerja yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu melalui SIP bagi setiap 100 pekerja yang diberhentikan kerja.

Sumber: Sistem Insurans Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial

R14 Eksport Mengikut Keluaran dan Pasaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



E&E
Berasaskan sumber
Bukan berasaskan sumber
Komoditi
Lain-lain
Eksport kasar (% tahun ke tahun)

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



ASEAN
China
AS
Kesatuan Eropah (EU)
Negara-negara lain
Eksport kasar (% tahun ke tahun)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi eksport kekal kukuh

Eksport kasar meningkat sebanyak 30.0% (S1 2022: 22.0%), mencerminkan pengembangan yang menyeluruh merentas produk, disokong oleh permintaan luaran dan harga komoditi yang lebih tinggi. Sementara itu, import kasar lebih tinggi sebanyak 36.1% (S1 2022: 25.2%), didorong oleh pertumbuhan import barangan perantaraan. Lebihan dagangan[2] mengecil kepada RM58.1 bilion (S1 2022: RM65.0 bilion).

Eksport perkilangan meningkat sebanyak 26.0% (S1 2022: 17.8%), disokong oleh eksport E&E yang lebih kukuh (37.6%, S1 2022: 27.2%). Eksport bukan E&E mencatatkan pertumbuhan sebanyak 18.2% (S1 2022: 10.4%), disebabkan terutamanya oleh eksport produk petroleum, produk perkilangan berasaskan minyak sawit serta keluaran logam. Pertumbuhan eksport komoditi kekal mantap pada 55.3% (S1 2022: 51.9%), disokong terutamanya oleh eksport minyak sawit mentah, gas asli cecair dan minyak mentah berikutan harga komoditi yang lebih tinggi.

Import barangan perantaraan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 36.2% (S1 2022: 29.0%) sejajar dengan eksport perkilangan yang berkembang. Import penggunaan meningkat sebanyak 18.1% (S1 2022: 24.4%), disokong oleh pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh. Walau bagaimanapun, pertumbuhan import modal menjadi sederhana kepada 8.2% (S1 2022: 17.5%).

[2] Lebihan barangan dan perdagangan berbeza kerana barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran (tanpa perubahan hak milik) adalah dikecualikan daripada akaun barangan. Keterangan ini terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi ke-6 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa.

R15 Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa lebih tinggi

Akaun semasa imbangan pembayaran mencatatkan lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM4.4 bilion atau 1.0% daripada KDNK pada suku kedua (S1 2022: RM3.0 bilion atau 0.7% daripada KDNK), disokong terutamanya oleh defisit yang lebih kecil dalam akaun pendapatan primer dan perkhidmatan.

Akaun barangan mencatatkan lebihan sebanyak RM34.0 bilion (S1 2022: RM40.5 bilion) apabila peningkatan import melebihi peningkatan eksport berikutan langkah-langkah kawalan yang diambil oleh syarikat untuk membina penampan inventori.

Defisit perkhidmatan mengecil kepada RM12.3 bilion (S1 2022: -RM15.0 bilion) disokong terutamanya oleh penerimaan perbelanjaan berkaitan pelancongan (*travel receipts*) yang lebih tinggi berikutan pembukaan semula sempadan antarabangsa.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM14.7 bilion (S1 2022: -RM20.1 bilion), disebabkan terutamanya oleh pendapatan yang lebih tinggi yang dihasilkan oleh pelaburan syarikat Malaysia di luar negara. Defisit pendapatan sekunder pada amnya kekal mampan pada RM2.6 bilion (S1 2022: -RM2.5 bilion) berikutan pengiriman wang keluar yang berterusan oleh pekerja asing.

R16 Pelaburan Langsung Mengikut Sektor



Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih.
Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

R17 Pelaburan Portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih rendah

Akaun kewangan mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM0.2 bilion (S1 2022: +RM30.4 bilion). Hal ini mencerminkan aliran masuk bersih pelaburan langsung dan pelaburan lain yang sederhana, yang sebahagian besarnya diimbangi oleh aliran keluar bersih pelaburan portfolio.

Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM2.6 bilion (S1 2022: +RM20.8 bilion), disokong oleh aliran masuk bersih dalam pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) (RM+17.3 bilion; S1 2022: +RM24.4 bilion). Aliran masuk ini didorong oleh perolehan daripada pelaburan semula yang lebih besar (+RM15.3 bilion; S1 2022: +RM8.9 bilion) dan suntikan ekuiti yang berterusan ke Malaysia (+RM5.2 bilion; S1 2022: +RM5.4 bilion). Hal ini diimbangi sebahagiannya oleh aliran keluar instrumen hutang (-RM3.2 bilion; S1 2022: +RM10.0 bilion) disebabkan oleh bayaran balik pinjaman serta bayaran lain yang lebih rendah. FDI ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan dan subsektor perkhidmatan kewangan. Sementara itu, pelaburan langsung ke luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) meningkat pada suku kedua (-RM14.7 bilion; S1 2022: -RM3.6 bilion). Pelaburan ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan dan perlombongan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM14.7 bilion (S1 2022: -RM10.1 bilion). Hal ini berikutan aliran keluar bersih pelaburan portfolio bukan pemastautin (-RM10.3 bilion; S1 2022: +RM3.8 bilion) yang disebabkan aliran keluar yang lebih tinggi dalam sekuriti hutang oleh bukan pemastautin (-RM13.2 bilion; S1 2022: -RM4.7 bilion). Hal ini lebih daripada mengimbangi aliran masuk bersih sekuriti oleh bukan pemastautin (+RM2.9 bilion; S1 2022: +RM8.5 bilion). Tambahan pula, aliran keluar terus didorong oleh pelaburan ekuiti yang dibuat oleh pelabur institusi di luar negara walaupun pada kadar yang lebih sederhana (-RM4.7 bilion; S1 2022: -RM10.2 bilion).

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM12.5 bilion (S1 2022: +RM19.6 bilion). Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh peminjaman antara bank dan pinjaman yang telah mencapai tempoh matang yang ditempatkan di luar negeri oleh sistem perbankan domestik. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah +RM0.3 bilion pada suku kedua, atau sebanyak +0.05% daripada jumlah perdagangan.

R18 Perubahan dalam Hutang Luar Negeri



¹ Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran
² Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri kekal terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM1,128.3 bilion, atau 67.7% daripada KDNK pada akhir bulan Jun 2022 (akhir bulan Mac 2022: RM1,111.2 bilion atau 69.6 daripada KDNK). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian kadar pertukaran susulan nilai ringgit yang lebih lemah berbanding dengan mata wang utama dan mata wang serantau terpilih, khususnya dolar AS pada suku kedua. Faktor-faktor utama lain yang menyumbang kepada peningkatan ini ialah peminjaman antara bank dan kredit perdagangan yang lebih tinggi. Hal ini sebahagiannya diimbangi oleh bayaran balik bersih bon dan nota serta beberapa pelupusan pemegangan sekuriti hutang domestik oleh pelabur bukan pemastautin.

Secara keseluruhan, hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berikutan profil mata wang dan profil tempoh matangnya yang bersesuaian. Hutang luar negeri dalam denominasi ringgit berjumlah RM377.7 bilion dan mencakupi 33.5% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir bulan Mac 2022: masing-masing RM381.3 bilion dan 34.3%). Sebahagian besar daripadanya adalah dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 66.9% daripada hutang luar negeri dalam denominasi ringgit) dan deposit dalam denominasi ringgit (bahagian sebanyak 16.3%) dalam institusi perbankan pemastautin. Liabiliti ini tidak dipengaruhi oleh turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency*, FCY) mencakupi baki RM750.6 bilion, atau 66.5% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir bulan Mac 2022: RM729.9 bilion dan 65.7%). Bon dan nota jangka panjang yang

R19 Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (RM bilion, % bahagian)



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

diterbitkan di luar pesisir berjumlah RM190.8 bilion, mencakupi 25.4% daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi FCY dan diterbitkan terutamanya oleh syarikat bukan kewangan. Terbitan ini tertakluk pada keperluan kehematan dan keperluan lindung nilai BNM. Pinjaman antara syarikat berkaitan, yang diterbitkan antara entiti asing yang berkaitan dan mencakupi 14.6% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY, secara umumnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi.

Peminjaman antara bank dan deposit dalam denominasi FCY dalam sistem perbankan domestik mencakupi 33.1% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Peningkatan peminjaman antara bank dalam denominasi FCY didorong terutamanya oleh kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups*, DBG) yang memperoleh FCY di luar negeri bagi meningkatkan penampan mudah tunai FCY sedia ada. Hal ini berikutan jangkaan bahawa deposit domestik dalam denominasi FCY akan mencapai tempoh matang dan keadaan mudah tunai FCY mungkin menjadi ketat. Sebahagian daripada dana ini disalurkan kepada aktiviti pemberian pinjaman manakala sesetengah DBG seterusnya menempatkan FCY yang diperoleh di luar negeri dengan bank sekutu asing, lantas mencerminkan amalan pengurusan mudah tunai berpusat. Peminjaman antara bank oleh DBG yang lebih tinggi sebahagiannya diimbangi oleh bayaran balik pembiayaan antara kumpulan yang berturut-turut oleh beberapa bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC) kepada ibu pejabat masing-masing. Secara keseluruhan, peminjaman antara kumpulan daripada pihak berkaitan di luar negeri terus membentuk sebahagian besar daripada jumlah peminjaman antara bank dalam sistem perbankan, yang mencakupi kira-kira 70% daripada jumlah itu, dan secara amnya lebih stabil lantas mengehadkan risiko pelanjutan yang dihadapi oleh bank-bank. Meskipun jumlah hutang luar negeri lebih tinggi disebabkan oleh penyusutan nilai mata wang, bank-bank terus

aktif menguruskan ketidakpadanan FCY. Hal ini seperti yang ditunjukkan oleh kedudukan terbuka bersih dedahan dalam denominasi FCY[3] yang kekal rendah pada 4.6% daripada jumlah modal institusi perbankan (akhir bulan Mac 2022: 4.3%).

Dari segi tempoh matang, 60.0% daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai tempoh jangka sederhana sehingga jangka panjang (akhir bulan Mac 2022: 61.5%), lantas mengehadkan risiko pelanjutan. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi baki 40.0% daripada hutang luar negeri (akhir bulan Mac 2022: 38.5%). Yang ketara, 40.5% daripada hutang luar negeri jangka pendek adalah dalam bentuk peminjaman antara syarikat berkaitan daripada bank induk atau syarikat multinasional yang terletak di luar negeri. Kira-kira 17.6% lagi merupakan kredit perdagangan yang sebahagian besarnya bersandarkan perolehan eksport dan terbiaya sendiri. Pada 29 Julai 2022, rizab antarabangsa berjumlah USD109.2 bilion yang memadai untuk membiayai 5.4 bulan import barangan dan perkhidmatan[4] serta 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

[3] Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau jangka panjang bagi semua mata wang merentas industri perbankan.

[4] Untuk maklumat lanjut tentang penunjuk ini, sila rujuk rencana mengenai "Peluasan Ukuran Liputan Rizab bagi Import – daripada Import Tertangguh kepada Import Barangan dan Perkhidmatan" pada halaman 27, penerbitan Buletin Suku Tahunan BNM Suku Keempat 2021, yang boleh diakses melalui https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6118085/qb2021q4_bm_box_imports.pdf

Halaman sengaja dikosongkan.

Rencana

Daya Tahan Perdagangan Malaysia dalam Era Selepas Pandemik

Pengenalan

COVID-19 merupakan titik perubahan penting bagi masyarakat global. Sebilangan besar individu kehilangan nyawa sementara mata pencarian juga teruk terjejas. Pandemik ini mengakibatkan gangguan terhadap kebanyakan ekonomi di seluruh dunia yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Berikutan langkah-langkah yang diambil bagi mengawal penularan wabak serta menyokong pendapatan dan pekerjaan, ekonomi global kembali ke landasan pemulihan dengan diterajui oleh ekonomi maju. Perdagangan global meningkat semula dengan mendadak berikutan permintaan yang kukuh terutamanya untuk barangan tahan lama. Perkembangan ini memberikan manfaat kepada ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia.

Rencana ini menghuraikan tiga persoalan utama: Pertama, apakah faktor-faktor yang telah mempengaruhi daya tahan perdagangan Malaysia semasa dan selepas pandemik? Kedua, apakah trend selepas pandemik yang mampu mempengaruhi perdagangan Malaysia dalam jangka masa sederhana? Ketiga, apakah pengajaran dasar yang boleh disimpulkan daripada krisis ini untuk meningkatkan daya tahan perdagangan negara?

Kesan limpahan COVID-19 terhadap perdagangan Malaysia: Daripada paras terendah kepada pemulihan

Pandemik COVID-19 merupakan kejutan yang besar kepada perdagangan dan ekonomi global. IMF telah mengunjurkan dalam World Economic Outlook pada bulan April 2020 bahawa ekonomi global akan menguncup sebanyak 3%. Kemerosotan ini merupakan yang terburuk sejak Zaman Meleset (Great Depression) pada tahun 1930-an. Pada tahun 2009, jumlah dagangan merudum sebanyak 13% apabila pengeluaran dunia menguncup sebanyak 0.1%. Semasa pandemik, jumlah dagangan global merosot sebanyak 14% pada suku kedua tahun 2020 (Rajah 1).

Namun begitu, kebimbangan tentang perdagangan global reda dengan cepat apabila aliran perdagangan kembali pulih mulai separuh kedua tahun 2020. Walaupun tahap kemerosotan jumlah dagangan hampir sama dengan semasa Krisis Kewangan Dunia (Global Financial Crisis, GFC), pemulihan adalah lebih pantas dan lebih ketara. Faktor utama pemulihan ini ialah kejayaan langkah-langkah pembendungan awal di China. Selain itu, penghasilan dan pemberian vaksin yang cepat terutamanya di ekonomi maju membolehkan kegiatan ekonomi disambung semula secara beransur-ansur. Pemulihan dalam kegiatan ekonomi dunia juga dicirikan oleh peralihan corak penggunaan daripada industri perkhidmatan yang berhubung rapat dengan pelanggan (*contact-intensive*) kepada industri barangan tahan lama. Hal ini mendorong kepada permintaan kukuh terhadap barangan perkilangan, yang menghasilkan manfaat terutamanya kepada pengeksport yang sangat bersepadu dalam rantaian nilai global (*global value chains*, GVC) seperti ASEAN (Rajah 2). Daya tahan perdagangan global mencerminkan ketangkasan pengilang untuk membuat penyesuaian pada rangkaian rantaian bekalan mereka bagi menghadapi gangguan akibat pandemik. Penggubal dasar juga memainkan peranan penting apabila dasar-dasar monetari, kewangan dan fiskal dilaksanakan pada skala dan kepantasan yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Sebagai contoh, dasar monetari dan langkah-langkah mudah tunai yang sangat akomodatif oleh bank-bank pusat utama telah membantu mengekalkan aliran kewangan perdagangan yang lebih baik berbanding dengan keadaan semasa GFC.

R1 Indeks Jumlah Perdagangan Barangan Dunia dan Indeks Pengeluaran Perindustrian

Indeks (2010=100)



Nota: Tempoh pemulihan merujuk tempoh suku tahun apabila jumlah dagangan kembali ke tahap sebelum krisis
Sumber: CPB Netherlands Bureau for Economic Policy Analysis

R2 PMI Perkilangan dan Pertumbuhan Eksport Peringkat ASEAN

Indeks, % tahun ke tahun



Sumber: S&P Global, CEIC

Sebagai ekonomi yang kecil dan terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada kejutan global ini. Eksport barangan merosot sebanyak -14.9% pada suku kedua tahun 2020. Keadaan ini merupakan penurunan paling mendadak sejak suku ketiga tahun 2009 (-21.9%). Walau bagaimanapun, eksport produk getah melonjak berikutan permintaan kukuh yang disebabkan oleh pandemik. Berbanding dengan banyak ekonomi serantau lain, eksport Malaysia merosot dengan magnitud yang lebih besar pada suku kedua tahun 2020 dan kekal lebih lembap sepanjang tahun itu (Rajah 3). Kelembapan ini sebahagiannya mungkin berpunca daripada sekatan pergerakan yang lebih ketat dan lebih lama di Malaysia berbanding dengan beberapa ekonomi serantau lain (Rajah 4). Kesannya, terdapat kekangan dan halangan yang lebih besar dalam usaha memulakan kembali aktiviti pengeluaran. Apabila sekatan ini dilonggarkan secara beransur-ansur, pertumbuhan eksport kembali pulih dengan kukuh dan secara amnya sejajar dengan ekonomi serantau, melepasi tahap sebelum pandemik[1]. Pemulihan perdagangan agak meluas merentas produk. Sesetengah produk mencatatkan pertumbuhan yang luar biasa disebabkan oleh permintaan luaran yang kukuh (Rajah 5). Produk E&E, yang mencakupi lebih satu pertiga daripada eksport Malaysia, khususnya mencatatkan pertumbuhan kukuh berikutan permintaan yang teguh terhadap peralatan bekerja dari rumah serta pengkomputeran awan[2]. Pemulihan harga komoditi juga memberikan sokongan pada eksport berkaitan komoditi.

R3 **Pertumbuhan Eksport bagi Ekonomi Serantau Terpilih (dalam USD)**



Sumber: Pihak berkuasa negara

R4 **Indeks Penegasan bagi Ekonomi Serantau Terpilih**



Nota: Indeks yang lebih tinggi menunjukkan langkah pembendungan yang lebih ketat

Sumber: Oxford Government Response Tracker

[1] Paras eksport tahun 2021 melebihi paras eksport tahun 2019 bagi Malaysia dan kebanyakan negara serantau.

[2] Untuk analisis yang lebih terperinci tentang kesan kekurangan cip global terhadap sektor E&E Malaysia, sila rujuk rencana bertajuk 'Kekurangan Bekalan Cip Global: Implikasi dan Peluang untuk Malaysia' dalam Buletin Suku Tahunan BNM Suku Kedua tahun 2021.

R5 Pertumbuhan Keluaran Eksport Utama Malaysia



Nota: Nilai dalam kurungan merujuk bahagian eksport pada 2021
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kesepaduan Malaysia yang tinggi dalam GVC dan kebolehsesuaian yang pantas mempertingkatkan daya tahan perdagangan Malaysia

Struktur eksport Malaysia yang pelbagai merentas produk dan pasaran menjadi sumber utama kekuatan dan daya tahan eksport. Di samping itu, kesepaduan Malaysia dalam GVC membantu menyokong pemulihan perdagangan seiring dengan permintaan luaran yang teguh untuk barangan tahan lama. Meskipun permintaan luaran mendorong pemulihan perdagangan, kesan pemulihan ini diperkukuh oleh kepantasan syarikat membuat penyesuaian dalam usaha menghadapi pelbagai kekangan pengeluaran dan cabaran yang berpunca daripada kejutan pandemik.

(1) Peranan Malaysia dalam GVC disokong oleh ekosistem perkilangan kukuh yang telah berkembang secara berterusan selama beberapa dekad

Kedudukan Malaysia dalam GVC[3] bertambah baik sejak beberapa tahun kebelakangan ini menerusi sumbangan nilai ditambah domestik yang lebih tinggi dalam eksport Malaysia seperti yang dicatatkan dalam rantaian hadapan (*forward linkage*) yang semakin meningkat (Rajah 6). Selain itu, pergantungan pada input asing untuk eksport juga telah berkurang seperti yang dicatatkan oleh rantaian belakang (*backward linkage*) yang lebih rendah. Memandangkan sumbangan nilai ditambah domestik Malaysia yang lebih tinggi dalam GVC, permintaan yang lebih kukuh di negara-negara lain memberikan kesan yang cepat kepada ekonomi negara. Khususnya, pelaburan dan pembangunan ekosistem E&E membolehkan Malaysia menjadi sangat bersepadu dalam rantaian nilai semikonduktor global. Industri E&E di Malaysia telah menjadi lebih canggih sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Industri ini telah berkembang daripada kerja-kerja berkaitan pemasangan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*research and development*, R&D) (Rajah 7). Infrastruktur yang dibangunkan dengan baik dan tenaga kerja yang mahir telah memberikan dorongan kepada ekosistem yang mantap dan pelbagai bagi sektor pengeluaran dan eksport. Keadaan ini telah menjadikan Malaysia sebagai peserta utama dalam hab perkilangan E&E global termasuk dalam sektor nilai ditambah yang tinggi seperti perubatan, aeroangkasa dan automotif. Kini, Malaysia merupakan pengeksport E&E ke-12 terbesar dan pengeksport semikonduktor keenam terbesar di dunia[4].

[3] Rantaian belakang dan rantaian hadapan boleh digunakan sebagai ciri kedudukan penyertaan GVC sesebuah negara. World Trade Organization mentakrifkan penyertaan belakang dalam GVC sebagai nisbah kandungan nilai ditambah asing bagi eksport kepada jumlah eksport kasar sesuatu ekonomi. Manakala penyertaan hadapan dalam GVC merangkumi nilai ditambah dalam negeri yang terkandung dalam input yang dihantar kepada ekonomi ketiga untuk pemprosesan dan eksport selanjutnya melalui rantaian bekalan.

[4] Sumber: IHS Markit

R6 Penyertaan Malaysia dalam GVC Belakang dan Hadapan

(% bahagian daripada eksport kasar)



Sumber: Trade in Value Added, Organisation for Economic Co-operation and Development

R7 Evolusi Industri E&E Malaysia

Masa Depan

Ruang perkilangan E&E sedang berkembang, apabila syarikat beralih ke aktiviti yang intensif pengetahuan, berteknologi tinggi, inovatif dan dengan nilai tambah yang lebih tinggi. Dengan adanya bekalan tenaga mahir yang canggih (contohnya dalam segmen reka bentuk litar bersepadu (IC)), Malaysia bersedia untuk beralih kepada antaranya pembangunan kenderaan berautonomi, mesin pintar dan robotik.

Semasa

Pengeluar E&E sedang meneroka potensi perniagaan yang dapat diraih daripada bidang pertumbuhan baharu seperti e-dagang, automasi, IoT dan Kecerdasan Buatan (AI) dengan mempercepat peralihan masyarakat dan industri kepada Industri 4.0.

2010an

Untuk kekal berdaya saing, kilang E&E berkembang daripada operasi sedikit barangan dalam kuantiti yang banyak kepada operasi pelbagai barangan dalam kuantiti yang sedikit. Syarikat pembikinan wafer terus membina dan mengembangkan kilang mereka di Malaysia.

1990an

Syarikat mula menubuhkan pusat reka bentuk dan pembangunan (D&D) dengan penglibatan dalam pembangunan pembungkusan semikonduktor, pembangunan proses perkilangan dan aktiviti reka bentuk.

1980an

Syarikat E&E mula mengeluarkan alat ganti dan komponen elektronik pengguna dan melakukan kerja berkaitan pemasangan.

1970an

Menarik pelaburan E&E melalui projek yang intensif pekerja. Pengilang menumpukan pada komponen E&E ringkas, bahagian-bahagian daripada semikonduktor dan produk elektrik yang dipasang sebahagiannya di Malaysia (*semi-knocked-down*, SKD).

Sumber: Malaysian Investment Development Authority

(2) Keupayaan membuat penyesuaian dengan pantas membolehkan syarikat memanfaatkan permintaan luaran yang kukuh

Keupayaan perniagaan membuat penyesuaian dan ketangkasannya mengurangkan gangguan serta memenuhi permintaan global yang tinggi juga menyumbang kepada daya tahan perdagangan Malaysia. Sebagai tindak balas kepada permintaan global dan dalam negeri yang tinggi, pembuat pakaian tempatan dengan pantas berubah menjadi pengilang pakaian perlindungan diri dan pelitup muka. Syarikat penerbangan menjadikan pesawat penumpang sebagai pesawat kargo untuk mengangkut bekalan perubatan dan barangan e-dagang yang mendapat permintaan. Syarikat-syarikat, termasuk perniagaan yang lebih kecil, juga membuat penyesuaian dengan cepat untuk memindahkan operasi perniagaan mereka ke platform dalam talian (Rajah 8).

R8a **Peningkatan Penggunaan Platform Digital di Malaysia**

(% bahagian daripada syarikat-syarikat)



Sumber: COVID-19 Business Pulse Survey Round 1 Bank Dunia, Disember 2020

R8b **Penggunaan Platform Digital Mengikut Fungsi Perniagaan di Malaysia**

(% bahagian daripada syarikat-syarikat yang meningkatkan penggunaan platform digital)



Sumber: COVID-19 Business Pulse Survey Round 1 Bank Dunia, Disember 2020

Keupayaan syarikat membuat penyesuaian bagi menghadapi gangguan COVID-19 membuahkan hasil yang besar apabila gangguan rantaian bekalan global berlarutan melepasi tahun 2021. Syarikat-syarikat Malaysia menggunakan beberapa strategi untuk mengurangkan kesan gangguan rantaian bekalan. Strategi ini termasuk menambahkan inventori dengan membuat tempahan awal bagi menjamin bekalan serta mengembangkan keupayaan pengeluaran dengan melabur dalam loji dan jentera baharu. Di samping itu, sesetengah syarikat memilih untuk menggunakan kaedah pengangkutan alternatif, seperti kargo udara atau pengangkutan darat bagi mengelakkan kelewatan penghantaran. Syarikat-syarikat juga telah mengambil langkah proaktif untuk berunding dengan pelanggan mereka supaya menjarakkan pesanan, manakala sesetengah syarikat lain mempelbagaikan pembekal mereka.

Dasar-dasar Kerajaan juga penting dalam memastikan syarikat berjaya membuat penyesuaian dengan cepat dalam persekitaran operasi yang pantas berubah. Sepanjang pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 dan 2021, syarikat perkilangan yang penting dalam rantaian bekalan global dibenarkan beroperasi[5] dalam keadaan prosedur operasi standard yang ketat namun praktikal. Dari aspek ini, pemahaman peringkat lapangan yang diperoleh daripada libat urus Bank Negara Malaysia (Bank) yang berterusan dengan syarikat-syarikat telah memberikan maklumat penting untuk perumusan dan campur tangan dasar. Langkah ini termasuk pengenalpastian awal kemungkinan risiko terhadap prospek ekonomi bagi merangka dasar-dasar yang lebih fleksibel, tepat pada masa dan akhirnya berkesan[6].

[5] Sebanyak 13 industri termasuk syarikat elektronik, kimia dan farmaseutikal boleh beroperasi pada kapasiti tenaga kerja sebanyak 60% semasa fasa sekatan pergerakan yang paling ketat manakala lima industri lain termasuk automotif, besi dan keluli masih boleh beroperasi pada kapasiti sebanyak 10%.

[6] Untuk analisis yang lebih terperinci tentang kepentingan pemahaman peringkat lapangan semasa pandemik, sila rujuk rencana bertajuk 'Mengukur Nadi Ekonomi Semasa Pandemik' dalam Laporan Tahunan BNM 2021.

Apa yang perlu diperhatikan? Pendorong utama yang akan membentuk perdagangan Malaysia dalam jangka sederhana serta keperluan dasar

Kejutan COVID-19 merupakan satu lagi contoh ketangkasan negara memanfaatkan lonjakan dalam permintaan global. Pengeksport produk-produk terpilih telah memperoleh manfaat yang besar daripada pelaburan mereka dalam menggantikan peralatan (*retooling*) dan mengeluarkan barisan produk baharu serta memanfaatkan kesepaduan mereka dalam GVC. Pada masa hadapan, Malaysia boleh mendapat manfaat dengan mengikuti trend mega baharu bagi memastikan negara terus berdaya saing.

(1) Pengembalian GVC ke negara asal oleh ekonomi utama

Pandemik ini telah menunjukkan bahawa kebergantungan yang berlebihan pada GVC boleh menyebabkan ekonomi semakin terdedah kepada risiko sistemik yang berpunca daripada gangguan geopolitik, alam sekitar, ekonomi dan kesihatan. Contoh yang jelas adalah kekurangan bekalan cip mikro yang mewujudkan kesan pindahan (*knock-on effects*) secara global merentas pelbagai sektor barangan tahan lama seperti automotif dan elektronik pengguna. Ekonomi utama telah mempertimbangkan malah memulakan langkah perlindungan sebagai tindak balas terhadap hal ini, termasuk pengembalian aktiviti pengeluaran ke negara asal (*reshoring*) bagi input perkilangan utama seperti cip mikro, bekalan perubatan dan makanan. Langkah ke arah ekonomi mampu diri (*self-sufficiency*) ini merupakan sebahagian daripada strategi baharu untuk memperkukuh daya tahan ekonomi bagi menghadapi gangguan bekalan global (Jadual 1).

Walau bagaimanapun, pengembalian pengeluaran perkilangan ke negara asal boleh menimbulkan risiko yang lebih tinggi serta risiko baharu terhadap pengeluaran dan kegiatan ekonomi. Menurut kajian IMF[7], tumpuan yang berlebihan telah wujud terhadap input perantaraan di negara asal. Kesannya, pengembalian ini mampu meningkatkan kelemahan terhadap gangguan melalui risiko penumpuan (*concentration risk*) yang lebih tinggi. Kajian lain oleh Bank Dunia (Chepeliev et al, 2022) menunjukkan bahawa apabila negara-negara mengembalikan pengeluaran ke negara asal, perdagangan global akan berkurang hingga 17 peratus menjelang tahun 2030, serta meninggalkan kesan buruk terhadap pendapatan dan kebajikan.

J1 Dasar pengembalian ke negara asal yang utama oleh kerajaan

Negara/Wilayah	Tindakan
Amerika Syarikat	• Merancang pelaburan persekutuan sebanyak USD52 bilion untuk peruntukan penyelidikan, reka bentuk dan perkilangan semikonduktor tempatan (2021). • Memperkenalkan undang-undang bagi mewujudkan kredit cukai untuk pelaburan yang berhubung dengan membina, mengembangkan dan menaik taraf fasiliti dan peralatan perkilangan semikonduktor di Amerika Syarikat (2021).
Kawasan Euro	• Meluluskan projek *European Battery Innovation* bernilai USD3.5 bilion untuk memberikan subsidi kepada Tesla, BMW dan syarikat-syarikat lain bagi menghasilkan bateri litium-ion di Eropah (2021).
India	• Kerajaan menawarkan subsidi sebanyak USD2.5 bilion untuk pengeluaran bateri bagi menyokong strategi "Make-In-India" (2021).
Jepun	• Memperuntukkan dana sebanyak 248.6 bilion yen (USD2.33 bilion) dalam pelan kecemasan ekonominya bagi menyokong penempatan semula aktiviti perkilangan di Jepun.

Sumber: Aliran berita, pihak berkuasa negara

[7] World Economic Outlook April 2022, Bab 4: Global Trade and Value Chains during the Pandemic.

GVC juga sukar dirungkai dan disusun semula kerana eksternalitinya yang positif dan peningkatan kecekapan bagi negara-negara yang mengambil bahagian. Syarikat telah membuat pelaburan yang besar dalam infrastruktur, perhubungan dan rangkaian yang merangkumi pembekal, pengeluar, pengguna dan masyarakat tempatan. Apabila manfaat daripada GVC terus melebihi potensi kos[8], syarikat akan berasa sukar dan berhadapan dengan kos yang tinggi untuk menghentikan pelaburan ini atau beralih kepada mod alternatif. Kajian telah menunjukkan bahawa semasa krisis COVID-19, hubungan perdagangan yang kukuh sepanjang rantaian nilai telah membantu mengurangkan kesan kejutan ekonomi. Espitia et al. (2021) menunjukkan bahawa prestasi eksport sektor yang bersepadu dalam GVC kurang mendapat kesan negatif berbanding dengan sektor yang bergantung terutamanya pada input dalam negeri. Melalui penglibatan dalam GVC, syarikat memperoleh manfaat daripada kepelbagaian yang lebih besar serta kurang terdedah pada kejutan dalam negeri.

Kepelbagaian terus menjadi strategi utama untuk mengurangkan risiko. Bagi mempertingkatkan daya tahan perdagangan, masyarakat global akan mendapat manfaat yang lebih baik dengan memberikan tumpuan pada pengurusan risiko yang lebih mantap dalam perdagangan global berbanding dengan menggalakkan langkah-langkah perlindungan (*protectionist measures*). Contohnya, GVC yang lebih pelbagai boleh meningkatkan kebolehgantian input, meningkatkan kecekapan pengeluaran dan logistik serta mengurangkan kebergantungan terhadap permintaan daripada ekonomi tertentu. Bagi memperkukuh kecekapan logistik dan pengeluaran, syarikat juga boleh mengubah proses pengeluaran supaya input yang disediakan oleh pembekal yang berbeza merentas kedudukan geografi dapat ditukar ganti dengan lebih mudah. Tesla membuat konfigurasi semula pada perisiannya supaya mereka boleh menggunakan cip yang kurang terjejas oleh kekurangan semikonduktor. IMF (2022) menganggarkan bahawa kebolehgantian produk yang lebih besar mampu mengurangkan kesan ekonomi sebanyak kira-kira empat per lima di negara penerima apabila berlakunya gangguan bekalan di negara pembekal yang besar.

Satu daripada cara untuk mempertingkatkan kepelbagaian adalah dengan meneroka peluang perjanjian perdagangan baharu dengan rakan kongsi strategik terpilih[9]. Tindakan ini akan membuka peluang baharu kepada syarikat Malaysia seperti yang digariskan dalam Rangka Tindakan Perdagangan Nasional 2022-2025. Salah satu trend global yang dikenal pasti dalam Rangka Tindakan tersebut adalah pertumbuhan penduduk yang pesat di benua Afrika, yang buat masa ini hanya mencakupi 2.5% daripada eksport Malaysia.

Akhirnya, usaha untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia perlu dijadikan tumpuan utama memandangkan persaingan yang sengit dalam kalangan peserta GVC. Malaysia perlu beralih daripada kebergantungan terhadap pengeluaran kos rendah kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi. Faktor daya tahan seperti logistik, pengurusan inventori dan akses kepada input boleh ganti serta tenaga kerja yang mahir dan fleksibel akan menjadi elemen penting dalam usaha memacu kelebihan daya saing negara. Pelaburan berkualiti yang sejajar dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (National Investment Aspirations, NIA) berupaya memperdalam sumbangan Malaysia yang juga akan meningkatkan kompleksiti ekonomi, meluaskan hubungan dalam negeri, membangunkan kelompok ekonomi baharu, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi dan meningkatkan rangkuman. Selain itu, dengan menyasarkan sektor yang didorong oleh ilmu pengetahuan, intensif teknologi dan rendah karbon, pelaburan ini akan menggalakkan R&D dan inovasi, lantas menghasilkan kepelbagaian secara mendatar dan hiliran menjadi produk eksport yang lebih kompleks. Dorongan ini juga khususnya relevan kepada sektor minyak sawit, yang mempunyai potensi besar untuk maju ke arah segmen hiliran nilai ditambah yang lebih tinggi seperti agrokimia dan produk makanan[10].

---

[8] Dalam 'Global value chains: Efficiency and risks in the context of COVID-19', OECD (2021) menggunakan model perdagangan *computable general equilibrium* (CGE) dan mendapati bahawa kebanyakan ekonomi lebih mendapat manfaat apabila saling berhubung kait melalui GVC berbanding dengan rejim tempatan dari segi kecekapan dan tahap mudah terjejas terhadap kejutan.

[9] Malaysia telah memeterai beberapa Perjanjian Perdagangan Bebas dua hala dan pelbagai hala. Ratifikasi terkini ialah Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) pada 18 Mac 2022.

[10] Rencana "Inovasi Malaysia: Ke Arah Pertumbuhan Masa Hadapan Berkualiti Tinggi Selepas Pandemik" dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2020 membincangkan tentang usaha mempercepat aktiviti minyak sawit hiliran merupakan salah satu faktor penting untuk mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia selepas pandemik.

(2) Perkhidmatan teknologi dan digital memberikan peluang besar untuk sumber pertumbuhan dan eksport pada masa hadapan

Penggunaan pendigitalan dan e-dagang oleh syarikat melonjak semasa pandemik, termasuk dalam kalangan perusahaan yang lebih kecil. Penggunaan platform dalam talian berkemungkinan menjadi trend yang berterusan (Rajah 9). Automasi proses perindustrian membolehkan syarikat memenuhi keperluan pengurangan interaksi secara bersemuka (*low touch*) serta keperluan penjarakan fizikal dan pada masa yang sama memastikan kesinambungan pengeluaran. Sebagai contoh, melalui keupayaan pemantauan jarak jauh, jurutera di Malaysia dapat memberikan panduan kepada kakitangan di Beaumont, Texas, untuk penutupan fasilitinya secara teratur sebelum terjejas akibat Taufan Laura pada bulan Ogos 2020 (Greenfield, 2021). Selain itu, penggunaan teknologi digital seperti Objek Rangkaian Internet (Internet of Things, IoT) dan pengkomputeran awan telah menjadi norma baharu. Selain pengeluaran, teknologi juga digunakan dalam jualan dan pemasaran, kaedah pembayaran, pengurusan rantaian bekalan dan perancangan pengeluaran. Keadaan ini juga bermaksud wujudnya peluang yang lebih besar bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk menyertai GVC[11].

Penerapan teknologi baharu ke dalam GVC dapat meningkatkan kecekapan sambil menyediakan peluang pertumbuhan yang baharu. Sebagai contoh, teknologi blok rantai semakin banyak digunakan untuk merekodkan transaksi dalam logistik perkapalan, sekali gus meningkatkan kecekapan birokrasi. Melalui langkah automasi borang dan bil muatan[12], proses pentadbiran serta prosedur dan pelepasan kastam dapat dipercepat. Yang penting, tindakan ini dapat meminimumkan kesilapan dan kelewatan serta mengurangkan ketirisan hasil bagi Kerajaan. Baru-baru ini, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dilaporkan telah mula menggunakan platform penyelesaian berasaskan blok rantai, 'TradeLens' di Malaysia bagi memodenkan proses penghantaran. Perkembangan ini dapat mempertingkatkan ketelusan, mempergiatkan aktiviti perdagangan yang cekap dan meningkatkan kepuasan pelanggan[13].

R9 Jangkaan Penggunaan Teknologi Digital Selepas Pandemik di Malaysia

(% bahagian daripada syarikat-syarikat yang memulakan atau meningkatkan penggunaan teknologi)



* *CRM = *customer relationship management*; SCM = *supply chain management*

Sumber: COVID-19 Business Pulse Survey Round 4 Bank Dunia, Mac 2022

[11] Syarikat yang menerapkan pendigitalan menggunakan Internet berkelajuan tinggi dan menggunakan laman sesawang adalah 6–10 peratus lebih berkemungkinan untuk menyertai GVC (Gopalan, Reddy dan Sasidharan, 2022).

[12] Bil muatan ialah dokumen yang dikeluarkan oleh penghantar sebagai perakuan penerimaan kargo untuk penghantaran.

[13] News Straits Times (2020)

Dasar yang menggalakkan pendigitalan seperti yang digariskan dalam inisiatif 'MyDigital' akan membolehkan lebih banyak peserta tempatan menyertai GVC, khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Sebagai pelengkap kepada dasar ini, tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan sedia mahir digital (*digital-ready*) diperlukan bagi membekalkan tenaga mahir yang diperlukan oleh syarikat untuk mendigitalkan operasi mereka dan meningkatkan produktiviti. Oleh itu, syarikat, institusi pendidikan dan Kerajaan perlu bekerjasama untuk menyediakan bekalan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang bersedia memasuki pasaran pekerjaan.[14]
Di Norway, rakan kerjasama sosial menjadi ahli luar bagi lembaga pentadbir institusi pengajian tinggi tempatannya (OECD, 2019). Langkah ini membolehkan rakan kerjasama sosial yang memiliki hubungan rapat dengan pasaran pekerja memberikan sumbangan kepada strategi institusi untuk aktiviti pendidikan dan penyelidikan. Penang Skills Development Centre (PSDC) yang diterajui oleh industri Malaysia telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan dalam usaha memberikan latihan dan membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi terutamanya untuk industri E&E. Inisiatif tiga pihak ini yang menghimpunkan industri, Kerajaan dan ahli-ahli akademik termasuk institusi politeknik wajar diikuti oleh industri lain bagi melahirkan tenaga kerja yang serba tahu digital (*digital-savvy*) serta bersedia menghadapi masa hadapan lantas membolehkan Malaysia melaksanakan aktiviti yang lebih kompleks dan mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi.

(3) Menjadikan perdagangan lebih hijau dan lestari pada masa hadapan

Era selepas pandemik juga mewujudkan peluang untuk mempercepat peralihan ke arah agenda hijau dan kelestarian. Ketika pandemik mendedahkan kelemahan ekonomi global, terdapat tumpuan yang lebih besar untuk 'membina semula dengan lebih baik' melalui langkah merintis jalan ke arah pemulihan yang lebih hijau dan lestari. Dalam sektor automotif, lebih banyak negara beralih ke arah kenderaan cekap tenaga (*energy efficient vehicles*, EEV) seperti kereta hibrid dan kenderaan elektrik (*electric vehicles*, EV). Pada tahun 2021, jualan global EV meningkat sekali ganda berbanding dengan tahun sebelumnya kepada rekod baharu sebanyak 6.6 juta (International Energy Agency, 2022). Tambahan pula, permintaan terhadap teknologi hijau seperti panel solar, kenderaan elektrik dan bateri litium telah mencatatkan peningkatan yang kukuh. Pada tahun 2021, penambahan kapasiti elektrik boleh diperbaharui meningkat secara global sebanyak 6%, mencapai rekod tertinggi sebanyak 295 gigawatt (GW) dan dijangka meningkat lebih 8% pada tahun 2022. Fotovolta solar diunjurkan mencakupi 60% daripada peningkatan kapasiti boleh diperbaharui global untuk tahun ini, iaitu peningkatan sebanyak 25% daripada tahun sebelumnya (International Energy Agency, 2022). Peningkatan dalam permintaan terhadap sumber tenaga yang lebih bersih juga menunjukkan peluang pasaran baharu untuk eksport biobahan api (*biofuel*). Perkembangan ini mewujudkan peluang kepada Malaysia untuk beralih ke arah mengeksport lebih banyak tenaga boleh diperbaharui.

Oleh itu, penekanan yang lebih besar terhadap pematuhan dasar hijau dan kelestarian diperlukan di seluruh industri pengeksport dengan matlamat persekitaran, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance*, ESG) yang jelas serta hasil yang boleh diukur pada masa hadapan. Bagi menggalakkan peralihan PKS kepada amalan rendah karbon, Bank telah menyediakan Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (Low Carbon Transition Facility, LCTF). Pelaksanaan dasar Perolehan Hijau Kerajaan dan penyediaan pembiayaan alternatif seperti sukuk hijau juga merupakan perkembangan yang menggalakkan. Lebih daripada itu, peningkatan penyelarasan antara agensi diperlukan bagi menarik pelaburan ke dalam industri rendah karbon. Langkah-langkah untuk meningkatkan kapasiti eksport serta strategi penjenamaan dan promosi untuk produk hijau ini juga penting. Sebagai contoh, produk minyak sawit dalam segmen hiliran yang mempromosikan minyak sawit mentah yang diperakui RSPO boleh meluaskan peluang untuk memasuki pasaran global bagi produk yang lestari. Tambahan pula, dasar yang berkesan termasuk insentif bersasar juga boleh menggalakkan perniagaan dan pengeksport untuk menerapkan amalan hijau. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan dasar perlu disesuaikan dengan baik bagi melaraskan matlamat ESG dengan tahap risiko ESG yang berbeza untuk sektor eksport yang berlainan. Secara keseluruhan, usaha ini seharusnya dapat meningkatkan daya saing perdagangan Malaysia.

[14] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Rencana dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020 BNM yang bertajuk "Penyusunan Semula yang Menyeluruh: Isu Struktur Pasaran Pekerja dalam Dunia Pasca-COVID-19".

Kesimpulan

Perdagangan Malaysia telah pulih dengan pantas pada tahun 2021 sejak parasnya yang terendah pada suku kedua tahun 2020. Pemulihan ini disokong oleh permintaan luaran yang kukuh terhadap barangan. Malaysia telah berupaya menghadapi kesan gangguan rantaian bekalan global dengan baik, berikutan struktur eksport negara yang pelbagai dan keupayaan syarikat membuat penyesuaian serta sokongan daripada langkah-langkah dasar. Walau bagaimanapun, iklim perdagangan global selepas pandemik memberikan cabaran dan peluang pertumbuhan baharu kepada Malaysia. Keutamaan terhadap pelaksanaan dasar yang mengukuhkan daya tahan perdagangan akan menjadi sangat penting bagi Malaysia kerana eksport merupakan pemacu pertumbuhan utama ekonomi negara. Dasar yang memberikan tumpuan pada kelestarian, teknologi, inovasi dan rangkuman akan menjadi asas utama pertumbuhan yang lebih mampan. Kerajaan memainkan peranan penting terutamanya mengenai hala tuju strategik dan keupayaan pentadbiran untuk melaksanakan pembaharuan struktur yang penting. Pembaharuan ini termasuk menggiatkan semula pelaburan berkualiti melalui NIA, pendigitalan ekonomi, mewujudkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan bersedia menghadapi masa hadapan serta meningkatkan daya saing perdagangan dan akses kepada pasaran (Rajah 10).

R10 Dasar Sedia Ada yang Mampu Memperkukuh Daya Tahan Perdagangan Malaysia



Sumber: EPU, MITI, MATRADE, Bank Negara Malaysia

Rujukan:

ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (2021). *ASEAN+3 Regional Economic Outlook 2021.*

Bank Negara Malaysia (2021), *Inovasi Malaysia: Ke Arah Pertumbuhan Masa Hadapan Berkualiti Tinggi Selepas Pandemik*, Rencana Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020.

Chepeliev, M., Maliszewska, M., Osorio-Rodarte, I., Seara E Pereira, M., Van Der Mensbrugghe, D. (2022). *Pandemic Climate Mitigation, and Reshoring: Impacts of a Changing Global Economy on Trade, Incomes,and Poverty,* Policy Research Working Paper Series 9955, Bank Dunia.

Deere Birkbeck, C. (2021). *Greening International Trade: Pathways Forward*. Global Governance Centre and the Forum on Trade, Environment & the SDGs (TESS): Geneva.

Espitia, A., Mattoo, A., Rocha, N., Ruta, M., Winkler, D. (2021). *Pandemic Trade: Covid-19, Remote Work and Global Value Chains*, Policy Research Working Paper No. 9508. Bank Dunia.

Greenfield, D. (2021). "*How COVID-19 Pushed ExxonMobil's Automation Technology Limits*." Automation World, 4 May 2021. https://www.automationworld.com/process/plant-maintenance/article/21307285/how-covid19-pushed-exxonmobils-automation-technology-limits#next-slide

Gopalan, S., Reddy, K., & Sasidharan, S. (2022). "*Does digitalization spur global value chain participation? Firm-level evidence from emerging markets*", Information Economics and Policy (Volume 59), 2022.

International Energy Agency (2022). *Renewable Energy Market Update: Outlook for 2022 and 2023.*

International Energy Agency (2022). *Global EV Outlook 2022: Securing supplies for an electric future.*

Tabung Kewangan Antarabangsa (2021). *External Sector Report 2021: Divergent Recoveries and Global Imbalances.*

Tabung Kewangan Antarabangsa (2022). *World Economic Outlook: War Sets Back the Global Recovery*. Washington, DC, April.

Kuriakose, S., Tran, T., Kong, K., Hebous, S. (2022). "*Impacts of COVID-19 on Firms in Malaysia: Results from the 4th Round of COVID-19 Business Pulse Survey*". Bank Dunia.

Kuriakose, S., Tran, T. (2020). "*Impacts of COVID-19 on Firms in Malaysia: Results from the 1st Round of COVID-19 Business Pulse Survey*". Bank Dunia.

Lan, T, Malacrino D, Mohommad A, Presbitero A, Sher G (2022). "*Shocks, International trade, and diversification: Lessons from the pandemic*", VxEU.org, 11 Mei 2022.

Lee, C. (2020). *Global Value Chains and Premature Deindustrialisation in Malaysia, ISEAS Economics Working Paper*, Disember 2020.

Malaysia External Trade Development Corporation (2021). *Rangka Tindakan Perdagangan Nasional 2021-2025*.

Malaysian Investment Development Authority (2021). *Malaysia's E&E Industry*. https://www.mida.gov.my/wp-content/uploads/2020/12/E_E-High-Res-FInal-2021.pdf

Mezzadri, A. & Ruwanpura, K. N. (2020). "*How Asia's Clothing Factories Switched to Making PPE – But Sweatshop Problems Live On*", The Conversation, 29 Jun 2020.

New Straits Times (2020). "*Royal Malaysian Customs Department adopts IBM, Maersk's TradeLens blockchain*", New Straits Times, 5 Oktober 2020. https://www.nst.com.my/business/2020/10/629799/royal-malaysian-customs-department-adopts-ibm-maersks-tradelens-blockchain

The Organization for Economic Cooperation and Development (2019). *OECD Economic Surveys: Malaysia 2019, OECD Publishing*, Paris. https://doi.org/10.1787/eaaa4190-en.

The Organization for Economic Cooperation and Development (2021). *Efficiency and Risks in the Context of COVID-19*.

The Organization for Economic Cooperation and Development (2022). *International trade during the COVID-19 pandemic: Big shifts and uncertainty*.

United Nations Conference on Trade and Development (2020). *Transforming Trade and Development in a Fractured, Post-Pandemic World*.

United Nations Conference on Trade and Development (2021). *Trade and Development Report 2021: From Recovery to Resilience: The Development Dimension*.

World Trade Organization (2021). *World Trade Report 2021*.

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Sorotan

- Keadaan pasaran kewangan domestik menjadi ketat berikutan kadar hasil bon yang lebih tinggi dan penurunan dalam pasaran ekuiti.
- Seiring dengan kekukuhan dolar AS yang meluas, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS, sejajar dengan mata wang serantau.
- Kadar faedah nominal meningkat pada suku kedua tahun 2022 berikutan kenaikan OPR.
- Pertumbuhan dalam pembiayaan bersih disokong oleh pemberian pinjaman bank yang berterusan.

Kadar hasil bon meningkat

Pada suku kedua tahun 2022, keadaan kewangan global menjadi ketat disebabkan oleh peningkatan kadar dasar oleh bank-bank pusat dunia berikutan tekanan inflasi yang lebih tinggi dan berpanjangan. Sentimen pelabur telah terjejas akibat kebimbangan berhubung dengan pertumbuhan ekonomi serta konflik ketenteraan di Ukraine. Federal Open Market Committee (FOMC) AS telah secara kumulatif menaikkan kadar dana persekutuannya sebanyak 225 mata asas melalui kenaikan sebanyak 25 mata asas, 50 mata asas, 75 mata asas dan 75 mata asas masing-masing pada mesyuarat bulan Mac, Mei, Jun dan Julai. FOMC juga menyatakan bahawa dasar monetari yang terus diperketat selanjutnya pada masa hadapan adalah wajar bagi mengurangkan tekanan inflasi dengan mencapai keseimbangan yang lebih mampan antara permintaan dengan penawaran. Faktor-faktor ini menyumbang kepada persekitaran dolar AS yang kukuh, dengan indeks Dolar AS (*US Dollar index*, DXY) meningkat kepada tahap tertinggi dalam tempoh 20 tahun (akhir S2 2022: 104.66).

R20 Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bagi Malaysia, keadaan kewangan domestik juga semakin ketat dengan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun meningkat masing-masing sebanyak 30.9, 51.4 dan 36.5 mata asas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini secara relatif adalah lebih kecil berbanding dengan peningkatan[5] dalam ekonomi serantau[6] berikutan aliran keluar bon lebih rendah yang dicatatkan pada suku ini.

Ringgit menyusut nilai berikutan kekukuhan dolar AS yang berterusan

Ringgit menyusut nilai sebanyak 4.6% berbanding dengan dolar AS (S1 2022: -0.7%), sejajar dengan pergerakan mata wang serantau. Tekanan yang menurunkan nilai ringgit dan mata wang serantau didorong terutamanya oleh kekukuhan nilai dolar AS yang meluas. Rantau ini juga mencatatkan aliran keluar portfolio asing berikutan kebimbangan berhubung dengan pertumbuhan dan prospek perdagangan global yang lebih rendah. Konflik ketenteraan di Ukraine juga menyebabkan peningkatan penghindaran risiko oleh pelabur global yang seterusnya menyumbang kepada permintaan yang lebih tinggi terhadap aset selamat (*safe haven assets*) di negara seperti Amerika Syarikat. Antara bulan April hingga Mei, nilai ringgit secara relatif lebih terjejas berbanding dengan mata wang serantau yang lain berikutan prospek ekonomi beberapa rakan perdagangan utama Malaysia. Walau bagaimanapun, prestasi ringgit seterusnya meningkat menjelang akhir suku kedua apabila sentimen bertambah baik berikutan pengeluaran data yang menunjukkan pemulihan ekonomi dalam negeri yang kukuh.

Penurunan pasaran ekuiti mencerminkan sentimen pelabur yang lemah dan unjuran pertumbuhan global yang lebih rendah

FBM KLCI menurun bersama-sama dengan kebanyakan ekuiti serantau berikutan sentimen penghindaran risiko pada peringkat global dan kadar faedah yang lebih tinggi. Prestasi negatif didorong terutamanya oleh sektor teknologi (-19.2%), perladangan (-13.2%) dan produk perindustrian (-11.6%).

R21 Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding Dolar AS



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Reuters

[5] Purata peningkatan bagi kadar hasil bon 10 tahun di negara-negara serantau adalah sebanyak 69.8 mata asas.
[6] Ekonomi serantau termasuk Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina dan Korea.

R22 Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Kadar faedah nominal meningkat pada suku kedua susulan kenaikan OPR

Susulan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas pada 11 Mei 2022, kadar faedah dalam pasaran borong dan runcit meningkat. Dalam pasaran antara bank, KLIBOR meningkat sebanyak 25 hingga 26 mata asas merentas semua tempoh matang dalam masa satu hari selepas pelarasan OPR dan terus meningkat selepas pelarasan awal berikutan jangkaan pasaran bahawa OPR akan terus meningkat.[7] Bagi suku kedua tahun 2022, KLIBOR 1 bulan dan 3 bulan masing-masing meningkat sebanyak 33 dan 41 mata asas untuk mengakhiri suku tersebut pada 2.21% dan 2.38% (S1 2022: 1.88% dan 1.97%).

R23 Kadar Faedah (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan Consensus Economics

[7] OPR dinaikkan sebanyak 25 mata asas lagi pada 6 Julai 2022.

Kadar pinjaman juga bertindak balas terhadap kenaikan OPR. Kadar asas (*base rate*, BR) purata berwajaran dan kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul meningkat masing-masing sebanyak 25 dan 20 mata asas kepada 2.68% dan 4.07% menjelang akhir suku itu (S1 2022: 2.43% dan 3.87%).

Pulangan kepada pendeposit juga meningkat. Kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) nominal meningkat antara 22 hingga 25 mata asas sepanjang tempoh matang 1 hingga 12 bulan. Kadar FD benar[8] secara amnya kekal stabil pada suku itu meskipun terdapat peningkatan dalam kadar nominal berikutan jangkaan inflasi yang lebih tinggi.

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem untuk memudahkan aktiviti pengantaraan kewangan. Tahap mudah tunai terkumpul yang ditempatkan di Bank menurun, mencerminkan mata wang dalam edaran yang lebih tinggi apabila permintaan tunai meningkat semasa musim perayaan,[9] di samping aliran keluar bersih pada suku itu. Pada peringkat institusi, hampir semua institusi perbankan mengekalkan lebihan mudah tunai dengan Bank pada akhir bulan Jun 2022.

R24 Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

[8] Kadar deposit tetap benar dikira dengan mengambil perbezaan antara kadar deposit tetap nominal dengan jangkaan inflasi. Jangkaan inflasi diukur sebagai kadar jangkaan purata inflasi bagi tempoh 12 bulan yang akan datang (berdasarkan data daripada Consensus Economics). Pengukuran ini dianggarkan melalui kadar purata unjuran bagi kalendar tahun semasa dan kalendar bagi tahun hadapan dengan wajaran diberikan mengikut bahagian mereka dalam tempoh unjuran 12 bulan ke hadapan. Kaedah pengukuran ini sebanding dengan penggunaan unjuran berdasarkan tempoh tetap seperti yang terdapat dalam penulisan akademik, termasuk oleh Dovern et al. (2012) dan Siklos (2013).

[9] Permintaan wang tunai semasa musim perayaan khususnya tinggi pada tahun 2022 berikutan pembukaan semula ekonomi dan adanya skim pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Pertumbuhan dalam pembiayaan bersih disokong oleh pemberian pinjaman bank yang berterusan

Pada akhir suku kedua tahun 2022, pembiayaan bersih mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi (4.9%; S1 2022: 4.5%), susulan pertumbuhan pinjaman terkumpul[10] yang lebih tinggi (5.4%; S1 2022: 4.4%) dalam segmen perniagaan dan isi rumah. Pertumbuhan bon korporat[11] terkumpul menjadi sederhana (3.4%; S1 2022: 4.6%) apabila pertumbuhan penebusan bon terus mengatasi pertumbuhan terbitannya.

Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul meningkat kepada 5.5% (S1 2022: 4.3%) apabila pengeluaran pinjaman modal kerja[12] untuk segmen PKS dan bukan PKS terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh (23.4%; S1 2022: 21.2%). Pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi mencerminkan pertumbuhan yang lebih tinggi bagi permohonan pinjaman modal kerja dan penggunaan kemudahan kredit sedia ada yang berterusan. Sehubungan dengan itu, perniagaan terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dalam bayaran balik pinjaman modal kerja (20.3%; S1 2022: 22.2%; purata suku tahunan 2017-2019: 5.2%). Yang ketara, pertumbuhan dalam pinjaman terkumpul berkaitan pelaburan[12] juga meningkat apabila pengeluaran pinjaman mencatatkan pertumbuhan positif yang kukuh merentas segmen perniagaan (50.5%; S1 2022: 11.6%).

Bagi isi rumah, pertumbuhan pinjaman terkumpul terus meningkat (5.7%; S1 2022: 4.8%), dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dicatatkan bagi semua tujuan pinjaman. Pertumbuhan pengeluaran pinjaman juga meningkat (29.0%; S1 2022: 12.7%; purata suku tahunan 2017-2019: 5.8%) berikutan pertumbuhan permintaan pinjaman yang lebih tinggi,[13] khususnya untuk pembelian kereta penumpang dan harta kediaman. Selain itu, pertumbuhan dalam bayaran balik pinjaman terus meningkat (13.3%; S1 2022: 3.3%) berikutan berakhirnya program bantuan bayaran balik pinjaman.

R25 Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



* Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin
Sumber: Bank Negara Malaysia

[10] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[11] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
[12] Klasifikasi pinjaman perniagaan berdasarkan tujuan hanya tersedia untuk sistem perbankan.
[13] Berdasarkan permohonan pinjaman kepada sistem perbankan.

Halaman sengaja dikosongkan.

Rencana

Kadar Asas Standard

Pengenalan

Seperti yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 11 Ogos 2021, Kadar Asas Standard (Standardised Base Rate, SBR) telah menggantikan Kadar Asas (Base Rate, BR) sebagai kadar rujukan utama bagi kemudahan pinjaman dan pembiayaan runcit berkadar terapung baharu mulai 1 Ogos 2022. Bagi tujuan rencana ini, 'pinjaman' termasuk kemudahan pembiayaan patuh Syariah. Sebelum ini, bank-bank menggunakan metodologi berbeza untuk menetapkan BR masing-masing. SBR akan bertindak sebagai kadar rujukan lazim bagi semua bank dan dihubungkan hanya kepada Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) BNM. Rencana ini membincangkan latar belakang dan tujuan pengenalan SBR, ciri-ciri dan manfaat utama SBR, peralihan daripada BR kepada SBR serta hala tuju pada masa hadapan.

A) Latar belakang dan tujuan pengenalan Kadar Asas Standard (SBR)

Kadar rujukan ialah kadar faedah yang boleh diakses secara terbuka yang digunakan oleh bank-bank sebagai asas bagi penentuan kadar faedah pinjaman. Kadar ini relevan khususnya bagi pinjaman berkadar terapung kerana perubahan kadar rujukan akan menyebabkan perubahan pada kadar pinjaman sepanjang tempoh pinjaman. Oleh itu, cara kadar rujukan ditentukan dan digunakan mempunyai implikasi kepada bayaran balik pinjaman pengguna, amalan bank-bank dalam penentuan kadar faedah pinjaman dan keberkesanan transmisi dasar monetari.

Rangka Kerja Kadar Rujukan diperkenalkan pada bulan Januari 2015. Melalui rangka kerja ini, BR diperkenalkan bagi menggantikan Kadar Pinjaman Asas (Base Lending Rate, BLR) sebagai kadar rujukan untuk pinjaman runcit berkadar terapung di Malaysia.[1] Pengenalan rangka kerja ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan disiplin dalam penentuan kadar faedah pinjaman runcit serta mempertingkatkan transmisi dasar monetari. Berbanding dengan BLR yang boleh berubah disebabkan oleh faktor seperti kos operasi dan margin keuntungan bank-bank, BR hanya akan berubah sebagai tindak balas kepada perubahan dalam kos pendanaan bank-bank. Rangka kerja ini membolehkan bank-bank menggunakan metodologi BR khusus sesebuah bank yang mencerminkan strategi pendanaan mereka, sambil menggalakkan disiplin yang lebih tinggi dalam amalan penentuan kadar faedah bank-bank. Hal ini kerana bank-bank tidak boleh menukar kadar pinjaman sepanjang tempoh pinjaman kecuali sekiranya terdapat perubahan dalam risiko kredit peminjam atau kos pendanaan bank (dan bukan untuk perkara lain, contohnya mendapatkan balik kos operasi tambahan). Semakin lama, metodologi BR bank-bank menjadi semakin rumit. Pada awalnya, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) 3 bulan, iaitu penanda aras luaran yang ditentukan oleh pasaran, merupakan pilihan utama untuk kadar penanda aras dalam kalangan bank-bank disebabkan oleh cirinya yang mudah. Kadar penanda aras ini juga lebih mudah untuk dibandingkan antara bank. Sejak itu, kemajuan dalam metodologi BR bank-bank telah menyebabkan penggunaan penanda aras dalaman yang ditentukan oleh setiap bank secara lebih meluas. Hal ini termasuk BR yang berdasarkan gabungan KLIBOR 3 bulan dan komponen pendanaan dalaman atau hanya berdasarkan penanda aras dalaman yang ditentukan oleh bank itu sendiri. Perkembangan ini juga mencerminkan jenis instrumen pendanaan yang lebih meluas yang digunakan oleh bank-bank untuk mendanai pinjaman.

[1] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Rangka Kerja Kadar Rujukan Baharu' dalam Laporan Tahunan BNM 2014 serta rencana bertajuk 'Hasil Pelaksanaan Rangka Kerja Kadar Rujukan: Ke Arah Amalan Lebih Cekap dan Telus' dalam Buletin Suku Tahunan Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Kedua Tahun 2017.

Evolusi metodologi BR seterusnya telah mengurangkan ketelusan dan kebolehbandingan BR antara bank yang berlainan, lantas menyukarkan pengguna untuk membandingkan produk pinjaman runcit yang ditawarkan oleh bank-bank yang berbeza serta memahami sebab di sebalik perubahan dalam bayaran balik pinjaman mereka. Tambahan pula, metodologi BR yang berbeza oleh bank-bank telah menjejaskan transmisi dasar monetari disebabkan oleh tindak balas bank-bank yang tidak sekata terhadap perubahan OPR.

Sebagai sebahagian daripada semakan dasar BNM secara berkala, kemas kini lanjut yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2022 telah dibuat terhadap Rangka Kerja Kadar Rujukan. Kemas kini ini bertujuan memastikan keperluan rangka kerja tersebut kekal relevan dan sesuai untuk tujuan dalam mendapatkan hasil yang dikehendaki, iaitu untuk-

a) menggalakkan kadar rujukan yang telus bagi membantu pengguna membuat perbandingan yang jelas untuk pinjaman antara bank supaya pengguna dapat membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi;
b) memperkukuh amalan yang mantap dalam penentuan kadar faedah pinjaman runcit berkadar terapung oleh bank-bank; dan
c) memelihara keberkesanan transmisi keputusan dasar monetari.

Kemas kini ini dirangkumkan dalam pengenalan SBR bagi menggantikan BR untuk semua bank.

B) Ciri-ciri dan manfaat utama Kadar Asas Standard (SBR)

Ciri utama SBR ialah keseragamannya sebagai kadar rujukan umum untuk semua bank. Tidak seperti BR yang berbeza-beza bagi setiap bank, SBR adalah sama merentas bank.[2]

R1 Apakah yang baharu dalam Rangka Kerja Kadar Rujukan yang dikemas kini?



Satu lagi aspek utama SBR ialah kadar rujukan ini dihubungkan hanya kepada OPR. Ciri SBR ini lebih ringkas berbanding dengan BR yang sebelum ini ditentukan oleh penanda aras kos pendanaan bank itu sendiri serta kos pemegangan rizab berkanun dengan BNM yang tidak dikenakan faedah.[3] Semua komponen lain

[2] Untuk maklumat lanjut tentang garis panduan Rangka Kerja Kadar Rujukan yang dikemas kini, sila rujuk dokumen dasar Reference Rate Framework yang diterbitkan pada 11 Ogos 2021.

[3] Rizab berkanun dipegang oleh semua bank mengikut Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) yang ditetapkan oleh BNM. Komponen kos SRR telah dikecualikan daripada SBR supaya SBR lebih ringkas dan mudah difahami oleh pengguna. Pengecualian ini juga mengelakkan kerumitan dan kos pematuhan tambahan untuk bank-bank yang dikaitkan dengan pengendalian perubahan terhadap SBR yang berpunca daripada perubahan dalam SRR. Selain itu, pengecualian ini turut mengambil kira kuantum perubahan dalam komponen kos SRR yang agak kecil berbanding dengan perubahan dalam kos keseluruhan pendanaan bank. Komponen SRR dimasukkan dalam penentuan kadar faedah pinjaman secara keseluruhan, sebagai sebahagian daripada spread yang ditetapkan melebihi SBR.

bagi penentuan kadar faedah pinjaman seperti risiko kredit peminjam, premium risiko mudah tunai, kos Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR), kos operasi dan margin keuntungan akan dicerminkan dalam spread melebihi paras SBR yang akan kekal sepanjang tempoh pinjaman, melainkan terdapat perubahan pada profil risiko kredit peminjam (Rajah 2).[4]

R2 Perbandingan antara Rangka Kerja Kadar Rujukan (2015) dengan Rangka Kerja Kadar Rujukan yang Dikemas Kini



Dengan pengemaskinian ini, perubahan SBR hanya akan berlaku selepas perubahan OPR yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari BNM. OPR dipilih sebagai kadar penanda aras kerana kadar rujukan ini yang paling sesuai bagi mencapai hasil Rangka Kerja Kadar Rujukan yang dikehendaki. OPR adalah mudah dan telus untuk pengguna. Berbanding dengan kadar penanda aras luaran yang lain seperti KLIBOR, penggunaan OPR sebagai kadar penanda aras juga akan memastikan penanda aras lebih mantap, lebih berintegriti dan lebih berdaya tahan sama ada semasa pasaran dalam keadaan biasa ataupun tertekan.

Keseragaman kadar rujukan akan memudahkan pengguna membuat perbandingan produk pinjaman berkadar terapung antara bank kerana pengguna boleh memberikan tumpuan pada spread yang melebihi paras SBR. Keseragaman ini juga membantu pengguna lebih memahami faktor-faktor yang menyebabkan perubahan bayaran balik pinjaman mereka sepanjang tempoh pinjaman. Hal ini penting berikutan kos pembiayaan semula termasuk kos perundangan yang secara relatif tinggi, lantas menyukarkan lagi peminjam untuk membiayai semula

[4] Pengiraan spread hanya boleh diselaraskan bagi mencerminkan perubahan dalam profil risiko kredit pelanggan sepanjang tempoh pinjaman. Spread tidak boleh dinaikkan untuk mencerminkan perubahan kos operasi bank, strategi pengurusan pendanaan atau pengalaman mungkir portfolio keseluruhan. Penetapan semula kadar faedah atau semakan semula kadar faedah akan tertakluk pada dokumen dasar Responsible Financing BNM yang dikeluarkan pada tahun 2019, serta dokumen dasar Credit Risk yang dikeluarkan pada tahun 2019. Garis panduan ini melindungi kepentingan pelanggan dengan memastikan kadar pinjaman tidak akan ditentukan semula jika terlepas satu atau dua bayaran balik, melainkan bayaran balik tidak dibuat sehingga mengakibatkan perubahan dalam profil risiko kredit atau kepercayaan kredit pelanggan. Kuantum penetapan semula kadar faedah juga perlu munasabah, iaitu tidak berlebihan dan tidak melebihi anggaran kos munasabah yang ditanggung oleh bank berkaitan dengan kemudahan pembiayaan yang mungkir.

pinjaman mereka yang sedia ada. Oleh itu, SBR juga akan menyumbang ke arah memelihara pasaran pinjaman runcit yang berdaya saing dengan menggalakkan pengguna membuat keputusan pembiayaan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Mulai 1 Ogos 2022, SBR digunakan untuk permohonan pinjaman runcit berkadar terapung. Penggunaan SBR ini termasuk untuk pinjaman baharu, pembiayaan semula pinjaman sedia ada dan pembaharuan kemudahan pusingan sedia ada selepas 31 Julai 2022. Bagi pengguna, SBR akan digunakan untuk pinjaman berkadar terapung seperti pinjaman perumahan dan pinjaman peribadi. Memandangkan ciri utama SBR ialah kadar rujukannya yang seragam, pengguna akan lebih mudah membuat perbandingan dengan memberikan tumpuan pada kadar pinjaman efektif yang menyeluruh merentas bank. Kadar pinjaman efektif ini merangkumi perbezaan spread yang dikenakan oleh setiap bank.[5]

R3 Bagaimanakah anda patut membuat perbandingan kadar pinjaman antara bank?



Pengguna juga boleh mendapatkan maklumat lanjut daripada Panduan Pengguna tentang Rangka Kerja Kadar Rujukan yang Dikemas Kini yang tersedia dalam laman sesawang BNM* bagi membantu mereka membuat keputusan tentang peminjaman.

* https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/Consumer+Guide_RRF_BM.pdf

Pengenalan SBR itu sendiri tidak akan memberikan kesan pada kadar pinjaman efektif pinjaman runcit sedia ada semasa peralihan. Pinjaman sedia ada yang berdasarkan BR dan BLR yang diluluskan sebelum 1 Ogos 2022 akan terus ditetapkan menggunakan BR dan BLR sehingga tempoh pinjaman matang.[6] Melalui Rangka Kerja Kadar Rujukan yang dikemas kini, perubahan pada kadar rujukan untuk pinjaman sedia ada yang harganya ditetapkan sebelum ini menggunakan BR dan BLR juga akan bergerak seiring secara khusus dengan OPR dan berubah

[5] Kadar pinjaman efektif merujuk kadar faedah tahunan menyeluruh yang dikenakan ke atas jumlah pinjaman yang tertunggak. Perbezaan dalam kadar pinjaman efektif akan menjejaskan jumlah bayaran balik pinjaman bulanan.

[6] Selain SBR, bank-bank akan terus memaparkan BR dan BLR mereka di semua cawangan dan laman sesawang selepas tarikh kuat kuasa, untuk rujukan pelanggan.

mengikut kuantum yang sama seperti perubahan OPR. Oleh itu, perubahan pada bayaran balik pinjaman oleh peminjam akan lebih mudah dijangka dan telus kepada peminjam. Hal ini kerana perubahan jumlah bayaran balik pinjaman pada masa hadapan bagi peminjam yang membayar balik pinjaman tepat pada masanya hanya akan berlaku disebabkan oleh perubahan OPR.[7] Sebelum ini, perubahan pada BR dan BLR mungkin berbeza-beza disebabkan oleh faktor-faktor khusus sesebuah bank yang mungkin tidak diketahui sepenuhnya oleh peminjam.

Rangka Kerja Kadar Rujukan yang dikemas kini turut mengukuhkan amalan penentuan kadar faedah yang mantap oleh bank-bank. Walaupun kadar rujukan akan diseragamkan, bank-bank masih mempunyai fleksibiliti untuk menentukan kadar pinjaman bagi pinjaman baharu berdasarkan pelbagai faktor termasuk risiko kredit peminjam, premium risiko mudah tunai, kos operasi, margin keuntungan dan kos lain, yang akan terus dicerminkan dalam spread yang melebihi paras SBR. Memandangkan spread secara amnya adalah tetap sepanjang tempoh pinjaman, rangka kerja yang dikemas kini ini mengukuhkan lagi insentif bagi bank-bank untuk menentukan kadar faedah serta menguruskan risiko dan kos dengan sewajarnya. Kebolehbandingan yang dipertingkatkan bagi spread yang melebihi paras SBR antara bank juga akan mendorong bank-bank menjadi lebih cekap, yang akhirnya memberikan manfaat kepada pengguna. Peraturan sedia ada seperti standard Risk-Informed Pricing yang dikeluarkan oleh BNM juga akan mengurangkan penentuan kos risiko yang tidak setimpal akibat persaingan (*competitive underpricing of risks*) yang boleh memberikan kesan pada kestabilan kewangan.

Memandangkan pergerakan SBR, BR dan BLR akan benar-benar mengikut perubahan OPR, Rangka Kerja Kadar Rujukan yang dikemas kini ini juga akan memberikan sokongan selanjutnya kepada transmisi dasar monetari yang berkesan dan sekata. Hal ini berikutan pindahan pelarasan OPR kepada kadar faedah runcit yang lebih langsung dan setara. Sehubungan dengan itu, perubahan kadar pinjaman bagi pinjaman runcit berkadar terapung akan mencerminkan perubahan dari segi kenaikan mahupun pengurangan OPR dengan lebih baik. Transmisi dasar monetari yang dipertingkatkan berikutan rangka kerja yang dikemas kini adalah sangat penting kerana pembiayaan ekonomi sebahagian besarnya terus berasaskan bank meskipun pembiayaan berasaskan pasaran telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini,[8] dan kebanyakan pembiayaan sistem perbankan terdiri daripada pinjaman berkadar terapung.[9]

C) Hala tuju pada masa hadapan

Pada masa hadapan, BNM akan terus memantau dengan teliti pelaksanaan Rangka Kerja Kadar Rujukan yang dikemas kini bagi memastikan rangka kerja ini mencapai hasil yang dikehendaki. Pada masa yang sama, usaha akan terus dilaksanakan untuk membangunkan lagi pasaran pinjaman yang lebih matang dengan sokongan oleh infrastruktur pasaran yang sesuai dan peningkatan kadar celik kewangan dalam kalangan pengguna.

Antara ciri yang dihasratkan untuk pasaran sedemikian ialah ketersediaan pilihan produk pinjaman yang lebih luas, termasuk pinjaman hibrid[10] atau pinjaman boleh ditukar[11] yang dapat memenuhi keperluan pengguna yang berbeza dengan lebih baik. Hal ini memerlukan pendekatan yang lebih berasaskan keperluan dan khusus untuk pengguna, disokong oleh geseran dan kos pengawalseliaan yang minimum, ketelusan yang lebih tinggi dan persaingan pasaran yang kukuh. Pembangunan lanjut infrastruktur pasaran, termasuk pasaran sekuriti dan derivatif yang lebih aktif juga akan menyediakan persekitaran yang lebih kondusif bagi bank-bank untuk mempertingkatkan pengurusan risiko mereka dengan lebih baik dan menawarkan produk

---

[7] Dengan Rangka Kerja Kadar Rujukan yang dikemas kini, perubahan pada jumlah bayaran balik pinjaman oleh peminjam selepas permulaan pinjaman hanya akan berlaku susulan pergerakan OPR atau terdapat perubahan dalam profil risiko kredit peminjam. Kemungkinan kadar pinjaman untuk pinjaman sedia ada ditentukan semula bagi mencerminkan perubahan dalam profil risiko kredit peminjam adalah sama seperti amalan rejim sebelumnya.

[8] Setakat akhir tahun 2021, pembiayaan sektor swasta oleh sistem perbankan serta dalam pasaran bon korporat masing-masing mencakupi 72% dan 28% daripada jumlah pembiayaan bersih (2010: masing-masing 77% dan 23%).

[9] Setakat bulan Mei 2022, kira-kira 78% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan merupakan pinjaman berkadar terapung.

[10] Ciri lazim bagi jenis pinjaman ini melibatkan penentuan kadar faedah pinjaman mengikut kadar faedah tetap pada tempoh awal pinjaman, yang kemudiannya beralih kepada penentuan kadar faedah mengikut kadar faedah terapung.

[11] Satu bentuk pinjaman hibrid, iaitu peminjam mempunyai pilihan untuk menukarkan kadar faedah pinjaman daripada kadar tetap kepada kadar terapung semasa tempoh pinjaman.

pinjaman yang berbeza. Langkah-langkah untuk mengurangkan kos pembiayaan semula dan kos perundangan bagi pinjaman, seiring dengan inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan kewangan pengguna, juga sama penting untuk mempertingkatkan dinamik pasaran pinjaman.

Berikutan perkembangan yang berterusan dalam pasaran pinjaman, Rangka Kerja Kadar Rujukan akan terus disemak secara berkala bagi memastikan rangka kerja ini kekal berkesan untuk menyokong aktiviti pengantaraan kewangan.

Rujukan:

Bank Negara Malaysia. 2021. Dokumen dasar "Reference Rate Framework" Bank Negara Malaysia 11 Ogos 2021.

Bank Negara Malaysia. 2021. "Panduan Pengguna tentang Rangka Kerja Kadar Rujukan yang Dikemas Kini" https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/Consumer+Guide_RRF_BM.pdf

Bank Negara Malaysia. 2017. "Hasil Pelaksanaan Rangka Kerja Kadar Rujukan: Ke Arah Amalan Lebih Cekap dan Telus". Rencana dalam Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Kedua 2017 Bank Negara Malaysia.

Bank Negara Malaysia. 2015. "Rangka Kerja Kadar Rujukan Baharu". Rencana dalam Laporan Tahunan 2014 Bank Negara Malaysia.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

Sorotan

- Pada mesyuarat bulan Mei dan Julai 2022, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) membuat keputusan untuk mengurangkan tahap akomodasi monetari dengan menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kepada 2.25%.
- MPC akan terus menilai keadaan yang berubah-ubah dan kesannya terhadap prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi

Berikutan keputusan MPC untuk mula melaraskan tahap akomodasi monetari pada mesyuarat bulan Mei 2022, MPC memutuskan untuk membuat pelarasan selanjutnya terhadap tahap akomodasi monetari dengan menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.25% pada mesyuarat bulan Julai 2022.

Pada mesyuarat MPC pada bulan Julai, MPC menilai bahawa pembukaan semula ekonomi global dan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik di ekonomi utama terus menyokong pemulihan kegiatan ekonomi global. Walau bagaimanapun, faktor-faktor ini sebahagiannya diimbangi oleh kesan tekanan kos yang semakin meningkat, konflik ketenteraan di Ukraine dan langkah-langkah pembendungan yang ketat di China. Tekanan inflasi terus meningkat disebabkan terutamanya oleh harga komoditi yang tinggi dan keadaan permintaan yang kukuh, meskipun keadaan rantaian bekalan global sedikit reda. Kesannya, bank-bank pusat dijangka terus membuat pelarasan pada penetapan dasar monetari mereka bagi mengurangkan tekanan inflasi, dengan sesetengah bank pusat melakukannya pada kadar yang lebih cepat. Pada masa hadapan, kadar pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana, dan akan terus dipengaruhi oleh tekanan kos yang tinggi, konflik di Ukraine, keadaan rantaian bekalan global dan volatiliti pasaran kewangan.

Bagi ekonomi Malaysia, MPC berpandangan bahawa kegiatan ekonomi terus meningkat pada bulan-bulan kebelakangan ini. Penunjuk eksport dan perbelanjaan runcit mengesahkan momentum pertumbuhan yang positif, disokong oleh peralihan ke fasa endemik. Dalam pasaran pekerja, kadar pengangguran terus menurun, dengan penyertaan tenaga kerja yang lebih

tinggi dan prospek pendapatan yang bertambah baik. Pada masa hadapan, MPC menilai pertumbuhan ekonomi akan disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh meskipun permintaan luaran dijangka sederhana disebabkan oleh rintangan yang dihadapi oleh pertumbuhan global. Selain itu, pembukaan semula sempadan antarabangsa sejak 1 April 2022 dijangka menyokong pemulihan sektor berkaitan pelancongan. Aktiviti dan prospek pelaburan terus disokong oleh pelaksanaan projek berbilang tahun. Walau bagaimanapun, risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan terus wujud, berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, konflik geopolitik yang berterusan dan gangguan rantaian bekalan yang semakin teruk.

Sejak awal tahun sehingga mesyuarat MPC pada bulan Julai, inflasi keseluruhan berpurata pada 2.4%. Meskipun purata tersebut dijangka kekal dalam julat unjuran tahun ini iaitu 2.2% hingga 3.2%, inflasi keseluruhan mungkin lebih tinggi pada sesetengah bulan disebabkan terutamanya oleh kesan asas daripada harga elektrik. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka berpurata antara 2.0% hingga 3.0% pada tahun 2022 apabila permintaan terus bertambah baik dalam keadaan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun, kesan tekanan inflasi menjadi lebih tinggi sebahagiannya akan terus dibendung oleh kawalan harga yang sedia ada, subsidi bahan api dan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi. Prospek inflasi terus dipengaruhi oleh perkembangan harga komoditi global yang disebabkan terutamanya oleh konflik ketenteraan yang berterusan di Ukraine dan gangguan berkaitan bekalan yang berlarutan, di samping langkah-langkah dasar dalam negeri.

Berikutan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang positif, MPC mengambil keputusan untuk membuat pelarasan selanjutnya terhadap tahap akomodasi monetari. Keputusan ini konsisten dengan pandangan MPC bahawa keadaan yang pertama kali berlaku ini sehingga memerlukan penetapan kadar OPR terendah yang pernah dicatatkan, kini semakin reda. Pada kadar OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi. MPC akan terus menilai keadaan yang berubah-ubah dan kesannya terhadap prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. Sebarang pelarasan pada penetapan dasar monetari pada masa hadapan akan dilaksanakan secara terkawal dan beransur-ansur bagi memastikan dasar monetari kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam persekitaran harga yang stabil.

Sorotan dasar lain pada suku kedua tahun 2022

Sorotan dasar	Butiran penting
Kertas Perbincangan Latihan Ujian Tekanan Risiko Iklim (Climate Risk Stress Testing, CRST) 2024	• Kertas perbincangan yang diterbitkan pada 30 Jun 2022 ini menetapkan rangka kerja dan elemen cadangan Bank untuk CRST bagi seluruh industri pada tahun 2024. Kertas ini juga membincangkan kebolehgunaan dan format latihan serta elemen teknikal seperti pemilihan senario, skop dan perincian portfolio serta pertimbangan lain.
Dokumen Dasar Bankasurans/Banktakaful	• Dokumen dasar yang diterbitkan pada 30 Jun 2022 ini bertujuan untuk: - o memastikan bankasurans/banktakaful kekal sebagai saluran berdaya maju yang boleh diakses secara meluas untuk pengguna membeli produk insurans dan takaful; o menggalakkan amalan pasaran yang kukuh yang melindungi kepentingan pengguna melalui penawaran produk insurans dan takaful berasaskan keperluan, penzahiran dan ketelusan yang dipertingkatkan; dan o menggalakkan daya saing pasaran dan memelihara pilihan pengguna. • Antara lain, dokumen dasar ini mengemukakan perlindungan bagi mengurangkan risiko amalan salah jual serta mempertingkatkan jangkaan berhubung dengan jualan produk bankasurans/banktakaful kepada pengguna yang mudah terjejas.
Dokumen Dasar Tadbir Urus, Pengurusan Risiko, dan Operasi untuk Perniagaan Perkhidmatan Wang (Money Services Business, MSB)	• Dokumen dasar yang diterbitkan pada 30 Jun 2022 ini menetapkan standard minimum yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen MSB dalam melaksanakan amalan tadbir urus yang baik, pengurusan risiko yang sesuai dan sistem kawalan dalaman yang mantap untuk perniagaan mereka. Standard ini penting khususnya memandangkan industri MSB terus berkembang untuk memenuhi keperluan ekonomi melalui penggunaan teknologi digital yang lebih meluas dalam perkhidmatan yang disediakan. • Keperluan yang dipertingkatkan ini, antara lain, akan menyumbang ke arah menyokong amalan perniagaan yang kukuh dalam kalangan peserta industri, memantapkan perlindungan pengguna serta melindungi industri MSB daripada digunakan sebagai saluran untuk aktiviti haram, pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.
Dokumen Dasar Pelaporan Kewangan bagi Pengendali Takaful	• Dokumen dasar yang diterbitkan pada 29 April 2022 ini telah disemak bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan Syariah dan keperluan Standard Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards, MFRS) terkini yang terpakai untuk perniagaan takaful, iaitu MFRS 17 Insurance Contracts dan MFRS 9 Financial Instruments. Dokumen dasar ini adalah selaras dengan penetapan terkini Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia dan saranan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia berkaitan dengan penggunaan MFRS 17 dan MFRS 9 untuk perniagaan takaful. • Sorotan utama dokumen dasar ini termasuk: - o keperluan khusus untuk pembentangan penyata kewangan bagi menambah baik kebolehbandingan; o keperluan baharu untuk pengukuran dan penzahiran *qard* (pinjaman tanpa faedah) yang diberikan oleh dana pemegang saham kepada dana takaful; dan o keperluan penzahiran tambahan untuk mencerminkan kekhususan takaful, termasuk pematuhan terhadap ketetapan MPS yang terkini mengenai penggunaan prinsip nilai wang mengikut masa bagi transaksi *qard* antara dana pemegang saham dengan dana takaful.

Halaman sengaja dikosongkan.

Tinjauan Makroekonomi

Sorotan

- Pertumbuhan global dijangka sederhana pada tahun 2022.
- Ekonomi Malaysia diunjurkan terus bertambah baik pada separuh kedua tahun 2022.
- Inflasi keseluruhan diunjurkan lebih tinggi pada beberapa bulan pada separuh kedua tahun 2022 disebabkan sebahagiannya oleh kesan asas.

Pertumbuhan global tahun 2022 lebih perlahan berikutan pelbagai rintangan

Pertumbuhan global pada tahun 2022 diunjurkan akan terus berada pada landasan pemulihan, disokong oleh pembukaan semula ekonomi yang berterusan dan pasaran pekerja yang lebih kukuh. Meskipun begitu, konflik ketenteraan di Ukraine dijangka melembapkan kadar pemulihan global. Harga komoditi yang semakin meningkat mencerminkan gangguan pada pengeluaran dan perdagangan komoditi akibat perang dan sekatan yang berkaitan oleh negara-negara Barat ke atas Rusia. Keadaan ini menyebabkan inflasi global yang lebih tinggi, yang akan memburukkan lagi tekanan kos ke atas syarikat di samping mewujudkan kesan negatif terhadap sentimen dan perbelanjaan pengguna.

Kebanyakan ekonomi utama dijangka mengalami tekanan inflasi yang tinggi dan berlarutan dalam persekitaran harga komoditi yang meningkat dan pasaran pekerja yang ketat. Bank-bank pusat di ekonomi utama telah mempercepat kadar dasar monetari diperketat bagi menangani inflasi dan memastikan jangkaan inflasi terus terkawal. Keadaan kewangan dijangka semakin ketat. Semua faktor ini boleh menjejaskan pertumbuhan.

Di China, sekatan pergerakan yang menyeluruh di beberapa bandar telah ditamatkan apabila bilangan kes COVID-19 berkurang. Sokongan dasar dan kegiatan ekonomi yang pulih apabila ekonomi dibuka semula dijangka menyokong pertumbuhan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan berterusan langkah-langkah pembendungan bagi mengekalkan bilangan kes COVID-19 yang rendah akan mengekang kegiatan ekonomi berikutan tahap

penularan varian Omicron yang tinggi. Kelembapan pasaran harta tanah yang berterusan juga dijangka melemahkan sentimen dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

Secara keseluruhan, imbangan risiko pada pertumbuhan dunia terus cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, terutamanya antara Rusia dengan negara-negara Barat, boleh mengakibatkan gangguan ekonomi yang lebih meluas dan harga yang lebih tinggi, khususnya untuk ekonomi di kawasan euro. Risiko inflasi yang tinggi berlarutan melebihi jangkaan atau jangkaan inflasi menjadi tidak terkawal juga wujud. Keadaan ini boleh menyebabkan dasar monetari akan diperketat pada kadar yang lebih cepat daripada jangkaan di ekonomi maju. Selain itu, sekatan pergerakan yang lebih ketat dan meluas di China mungkin dilaksanakan semula jika kes COVID-19 meningkat dengan mendadak. Sebaliknya, risiko pertumbuhan menjadi lebih tinggi mungkin disebabkan oleh pemulihan di China yang lebih cepat daripada jangkaan, didorong oleh sokongan dasar tambahan dan sentimen yang bertambah baik. Keadaan rantaian bekalan yang bertambah baik lebih cepat daripada jangkaan serta pemulihan yang lebih kukuh daripada jangkaan berikutan pembukaan semula ekonomi juga boleh menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih tinggi.

Ekonomi Malaysia akan disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh

Ekonomi Malaysia diunjurkan terus berkembang pada separuh kedua tahun 2022. Pertumbuhan ekonomi akan disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, apabila permintaan luaran dijangka sederhana disebabkan oleh rintangan yang dihadapi oleh pertumbuhan global. Pada masa hadapan, pertumbuhan akan terus mendapat manfaat daripada keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dan pemulihan sektor berkaitan pelancongan berikutan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Seterusnya, aktiviti pelaburan juga diunjurkan meningkat, disokong oleh pelaksanaan projek berbilang tahun.

Walau bagaimanapun, imbangan risiko kepada pertumbuhan Malaysia adalah cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Risiko ini berpunca terutamanya daripada pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, konflik geopolitik yang lebih meruncing dan gangguan rantaian bekalan yang semakin teruk.

Inflasi keseluruhan diunjurkan lebih tinggi pada beberapa bulan pada separuh kedua tahun 2022 disebabkan sebahagiannya oleh kesan asas

Inflasi keseluruhan diunjurkan lebih tinggi pada beberapa bulan yang akan datang, didorong sebahagiannya oleh kesan asas daripada diskaun tarif elektrik yang dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2021. Seperti yang diunjurkan sebelum ini, inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka berpurata lebih tinggi pada tahun 2022 apabila permintaan terus bertambah baik dalam keadaan kos yang tinggi.

Secara keseluruhan, prospek inflasi terus bergantung pada kekukuhan permintaan dalam negeri yang boleh menyumbang selanjutnya kepada tekanan harga yang lebih meluas, serta perkembangan harga komoditi global dan langkah-langkah dasar dalam negeri. Namun begitu, tekanan menaik terhadap inflasi dijangka kekal dibendung sebahagiannya oleh langkah-langkah kawalan harga yang sedia ada, subsidi bahan api dan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi.

Tambahan

J1 KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2021 (%)	2021		2022		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Pertumbuhan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	92.7	12.3	4.9	4.4	13.0	8.6
Sektor swasta	74.4	13.0	5.3	4.4	15.4	9.6
Penggunaan	*58.8*	*11.7*	*4.3*	*5.5*	*18.3*	*11.5*
Pelaburan	*15.6*	*17.3*	*8.7*	*0.4*	*6.3*	*3.4*
Sektor awam	18.3	9.0	3.3	4.8	2.8	3.8
Penggunaan	*13.8*	*8.2*	*6.9*	*6.7*	*2.6*	*4.7*
Pelaburan	*4.5*	*12.0*	*-6.9*	*-0.9*	*3.2*	*1.0*
Eksport Bersih	6.0	57.6	27.7	-26.5	-28.7	-27.6
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*69.1*	*37.1*	*23.3*	*8.0*	*10.4*	*9.2*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*63.1*	*35.5*	*22.9*	*11.1*	*14.0*	*12.6*
KDNK Benar	**100.0**	**15.9**	**7.0**	**5.0**	**8.9**	**6.9**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**-0.8**	**-**	**3.8**	**3.5**	**-**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

J2 KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2021 (%)	2021		2022		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Pertumbuhan tahunan (%)				
Perkhidmatan	57.0	13.4	4.9	6.5	12.0	9.2
Perkilangan	24.3	26.7	15.8	6.6	9.2	7.9
Pertanian	7.1	-1.5	-0.7	0.1	-2.4	-1.2
Perlombongan	6.7	10.6	2.4	-1.1	-0.5	-0.8
Pembinaan	3.7	40.3	8.3	-6.2	2.4	-2.1
KDNK Benar	**100.0**	**15.9**	**7.0**	**5.0**	**8.9**	**6.9**

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

J3 Imbangan Pembayaran[1]

	2021					2022	
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2
	RM bilion						
Akaun Semasa	**11.9**	**13.2**	**18.2**	**15.3**	**58.7**	**3.0**	**4.4**
(% daripada KDNK)	*3.2*	*3.6*	*4.8*	*3.6*	*3.8*	*0.7*	*1.0*
Barangan	36.7	40.7	41.5	51.8	170.6	40.5	34.0
Perkhidmatan	-14.8	-15.2	-15.3	-15.4	-60.7	-15.0	-12.3
Pendapatan primer	-6.3	-10.8	-4.8	-19.6	-41.6	-20.1	-14.7
Pendapatan sekunder	-3.7	-1.4	-3.1	-1.4	-9.6	-2.5	-2.6
Akaun Kewangan	**16.6**	**-4.1**	**-0.2**	**0.7**	**13.0**	**30.4**	**0.2**
Pelaburan langsung	1.8	8.2	8.0	10.5	28.5	20.8	2.6
Aset	-8.0	-8.4	-15.3	-17.2	-48.9	9.1	-17.0
Liabiliti	9.8	16.6	23.3	27.7	77.4	11.7	19.6
Pelaburan portfolio	-0.2	20.1	-3.7	2.6	18.8	-10.1	-14.7
Aset	-14.3	-10.5	-4.9	-6.1	-35.8	-13.9	-4.4
Liabiliti	14.2	30.6	1.2	8.7	54.6	3.8	-10.3
Derivatif kewangan	0.3	-1.5	0.7	-1.8	-2.3	0.2	-0.2
Pelaburan lain	14.7	-30.9	-5.2	-10.6	-32.0	19.6	12.5
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	**-11.3**	**-4.4**	**3.4**	**-13.1**	**-25.5**	**-20.6**	**0.3**
Imbangan Keseluruhan	**17.1**	**4.7**	**21.3**	**2.6**	**45.7**	**12.8**	**4.9**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

J4 Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2021	2022	
	akhir Jun	akhir Mac	akhir Jun
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	**1,021.4**	**1,111.2**	**1,128.3**
Bersamaan USD bilion	*245.9*	*264.4*	*256.2*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota[1]	196.8	194.8	191.9
Peminjaman antara bank[1]	187.6	192.9	204.6
Pinjaman antara syarikat berkaitan[1]	132.7	146.5	150.9
Pinjaman[1]	75.2	74.1	73.0
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	244.8	258.1	252.7
Deposit bukan pemastautin	93.5	104.9	106.9
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF	8.0	28.1	28.3
Lain-lain[2]	82.7	111.9	119.8
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	635.8	683.6	677.5
Jangka pendek	385.6	427.6	450.8
Denominasi mata wang			
Ringgit	358.4	381.3	377.7
Asing	663.0	729.9	750.6
Jumlah hutang / KDNK (%)	68.5	69.6	67.7
Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%)	37.8	38.5	40.0
Rizab / Hutang jangka pendek (kali)	1.2	1.1	1.1[3]

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 29 Julai 2022.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

J5 Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

	2021		2022			2021		2022		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan dalam tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah pembiayaan bersih	**15.9**	**49.5**	**30.4**	**26.9**	**57.3**	**4.4**	**4.4**	**4.5**	**4.9**	**4.9**
Terkumpul:										
Pinjaman[1,2]	7.4	31.8	26.2	27.0	53.1	3.6	3.6	4.4	5.4	5.4
Perusahaan perniagaan	3.5	16.6	10.3	12.0	22.3	1.3	1.3	4.3	5.5	5.5
PKS	0.0	3.9	7.6	4.5	12.1	6.0	6.0	6.0	7.5	7.5
Bukan PKS	3.4	12.7	2.7	7.5	10.1	-2.2	-2.2	2.9	3.9	3.9
Isi rumah	4.3	12.1	15.0	15.1	30.1	5.3	5.3	4.8	5.7	5.7
Bon korporat terkumpul[3]	8.5	17.7	4.2	-0.1	4.1	6.9	6.9	4.6	3.4	3.4

[1] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.
[3] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J6 Penunjuk Pinjaman

	2021		2022			2021		2022		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah										
Permohonan pinjaman[1]	243.2	463.8	239.8	276.0	515.8	44.7	27.0	8.7	13.5	11.2
Kelulusan pinjaman[1]	98.7	188.6	106.3	130.4	236.7	48.1	22.9	18.2	32.2	25.5
Pengeluaran pinjaman[2]	357.2	718.4	415.3	441.1	856.3	36.0	24.3	15.0	23.5	19.2
Bayaran balik pinjaman[2]	366.4	722.3	403.3	432.4	835.7	43.5	25.6	13.3	18.0	15.7
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan[3]										
Permohonan pinjaman	91.3	172.1	89.2	104.6	193.8	-5.4	-8.9	10.4	14.6	12.6
Kelulusan pinjaman	38.8	74.4	42.7	58.4	101.1	-7.2	-10.6	20.2	50.4	35.9
Pengeluaran pinjaman	274.3	541.7	309.6	334.2	643.8	33.6	25.7	15.8	21.8	18.8
Bayaran balik pinjaman	276.6	535.4	303.0	330.7	633.7	37.7	27.2	17.1	19.6	18.4
PKS										
Permohonan pinjaman	47.0	86.4	45.1	53.6	98.7	-1.6	-9.2	14.4	14.0	14.2
Kelulusan pinjaman	17.7	32.9	21.2	25.9	47.1	18.5	13.0	39.9	46.3	43.4
Pengeluaran pinjaman	76.3	153.9	87.9	93.2	181.1	35.5	28.5	13.3	22.1	17.6
Bayaran balik pinjaman	77.4	151.1	84.8	90.6	175.4	51.4	29.2	15.1	17.1	16.1
Bukan PKS[3]										
Permohonan pinjaman	44.4	85.7	44.1	51.1	95.1	-9.0	-8.6	6.7	15.2	11.1
Kelulusan pinjaman	21.1	41.5	21.5	32.5	54.0	-21.5	-23.3	5.5	53.9	30.1
Pengeluaran pinjaman	198.0	387.8	221.7	241.0	462.7	32.9	24.6	16.8	21.7	19.3
Bayaran balik pinjaman	199.2	384.3	218.2	240.1	458.3	33.1	26.4	17.9	20.5	19.3
Isi Rumah										
Permohonan pinjaman	151.8	291.7	150.7	171.3	322.0	112.2	65.6	7.7	12.8	10.4
Kelulusan pinjaman	59.8	114.2	63.5	72.0	135.6	141.4	62.5	16.8	20.4	18.7
Pengeluaran pinjaman	82.8	176.7	105.7	106.9	212.6	44.5	20.2	12.7	29.0	20.3
Bayaran balik pinjaman	89.8	186.9	100.3	101.7	202.0	64.7	21.2	3.3	13.3	8.1

[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan sahaja.
[2] Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Berkuat kuasa 1 April 2020, suatu moratorium telah dilaksanakan secara automatik untuk bayaran balik pinjaman / pembiayaan oleh peminjam isi rumah dan PKS untuk tempoh enam bulan.
[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J7 Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan

	2021				2022	
	S1	S2	S3	S4	S1	S2[a]
Pulangan atas ekuiti (%)[1]	8.3	9.7	9.4	9.5	10.9	11.8
Pulangan atas aset (%)[1]	0.9	1.1	1.1	1.1	1.2	1.3
	RM juta					
Pendapatan faedah bersih	14,175	14,630	13,711	14,682	14,794	15,482
Campur: Pendapatan berasaskan fi	3,189	2,880	2,861	3,122	2,922	2,832
Tolak: Kos operasi[2]	11,442	8,998	8,776	9,393	8,907	9,301
Keuntungan operasi kasar	5,922	8,511	7,796	8,412	8,809	9,012
Tolak: Peruntukan jejas nilai[3] dan lain-lain	1,543	2,155	2,689	2,064	1,196	867
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	4,379	6,357	5,107	6,348	7,613	8,145
Campur: Pendapatan lain[1]	2,719	3,231	2,677	2,393	2,008	3,088
Untung sebelum cukai[1]	**7,098**	**9,587**	**7,784**	**8,741**	**9,621**	**11,233**
	Pertumbuhan tahunan (%)					
Pulangan atas ekuiti (mata peratusan)[1]	-1.8	0.8	0.3	1.1	2.6	2.1
Pulangan atas aset (mata peratusan)[1]	-0.21	0.09	0.02	0.11	0.27	0.20
Pendapatan faedah bersih	11.6	47.2	0.5	5.6	4.4	5.8
Campur: Pendapatan berasaskan fi	23.5	24.8	0.3	-1.0	-8.4	-1.7
Tolak: Kos operasi[2]	32.9	9.9	3.7	6.4	-22.2	3.4
Keuntungan operasi kasar	-11.2	109.9	-2.9	2.2	48.8	5.9
Tolak: Peruntukan jejas nilai[3] dan lain-lain	-44.1	-10.3	-17.9	-65.2	-22.5	-59.8
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	12.0	284.5	7.4	176.1	73.9	28.1
Campur: Pendapatan lain[1]	-37.9	-31.8	-25.5	-23.9	-26.2	-4.4
Untung sebelum cukai[1]	**-14.4**	**50.0**	**-6.8**	**60.6**	**35.5**	**17.2**

[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% dan 10.7%.

[2] Merujuk kos kakitangan dan overhed.

[3] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J8 Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2021				2022	
	S1	S2	S3	S4	S1	S2[a]
	RM juta					
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1]	-2,212	3,361	2,157	1,048	1,866	-4,137
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	710	1,074	916	354	262	771
Nisbah tuntutan (%)	55	51	52	61	63	65
	Pertumbuhan tahunan (%)					
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1]	68.0	-66.4	-46.2	-75.9	184.3	-223.1
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	30.2	-6.9	20	-61.1	-63.1	-28.2
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-4.7	-1.6	-3.8	8.3	8.6	13.8

[1] Data tidak termasuk dana unit berkaitan pelaburan

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J9 Kewangan Kerajaan Persekutuan[1]

	2021		2022[a]		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	56.9	106.4	62.7	61.6	124.3
Pertumbuhan tahunan (%)	*0.8*	*4.5*	*26.6*	*8.3*	*16.8*
Perbelanjaan mengurus	55.2	117.4	64.6	65.2	129.8
Pertumbuhan tahunan (%)	*6.2*	*2.9*	*3.8*	*18.2*	*10.6*
Akaun semasa	**1.7**	**-11.0**	**-1.9**	**-3.6**	**-5.5**
Perbelanjaan pembangunan bersih	12.6	27.9	16.6	13.4	30.0
Pertumbuhan tahunan (%)	*80.0*	*57.0*	*8.7*	*6.3*	*7.4*
Kumpulan Wang COVID-19[2]	9.3	18.4	5.4	4.1	9.5
Imbangan keseluruhan	**-20.2**	**-57.3**	**-23.9**	**-21.1**	**-45.0**
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	77.1	163.7	86.6	82.7	169.3
Pertumbuhan tahunan (%)	*-4.9*	*6.0*	*0.0*	*7.2*	*3.4*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	958.4	958.4	1005.8	1045.0	1045.0
Hutang Dalam Negeri	698.5	698.5	736.6	780.7	780.7
Hutang Luar Negeri	259.9	259.9	269.2	264.3	264.3
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*231.5*	*231.5*	*244.4*	*239.5*	*239.5*
Peminjaman luar pesisir	*28.4*	*28.4*	*24.9*	*24.8*	*24.8*

a Awalan
Nota:
[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
[2] Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia